

PEMEDULIAN, KEPRIHATINAN BAGI MEMASTIKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

Oleh : Hajah Siti Zuraihah
Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tahun ini sekali lagi telah berkenan mengurniakan kurnia peribadi baginda sempena Hari Raya Aidilfitri kepada golongan-golongan tertentu yang terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang beragama Islam.

>> Muka 3

BERANGKAT bagi memulakan pengurniaan kurnia peribadi sebagai wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM). - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit (Lihat muka 3 hingga 4).



Berita Utama



KSSUP adakan Majlis Penutup Tadarus Al-Quran

Muka 11



KONGSI amalan terbaik dalam pengajaran, pembelajaran bahasa

Muka 12

Raptai penuh Istiadat Pembukaan Rasmi MMN

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun

Oleh : Muhammad Aiman Najib Hamzah

1447 Hijrah / 2026 Masihi akan berlangsung pada Khamis, 12 Mac 2026 bersamaan 22 Ramadan 1447.

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan kelancaran majlis berkenaan nanti, raptai penuh diadakan pagi tadi bertempat di Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

>> Muka 8

Majlis Khatam Al-Quran semarakkan Sambutan Hari Kebangsaan NBD Ke-42

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Majlis Khatam Al-Quran 42 Kali sebagai salah satu acara sampingan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026 telah diadakan secara serentak di keempat-empat daerah pada hari ini dengan tumpuan utama bagi Daerah Brunei dan Muara di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

>> Muka 14

19 anak yatim warga KHEU terima sumbangan derma

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

BERAKAS, Selasa, 10 Mac. - Bagi menyantuni anak-anak yatim warga Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) serta meringankan beban mereka menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri, KHEU mengadakan Majlis Penyerahan Sumbangan Derma kepada anak-anak yatim warga KHEU sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Seramai 19 anak yatim warga kementerian menerima sumbangan berkenaan dalam majlis yang diadakan di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan, KHEU, Jalan Dewan Majlis.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan sumbangan

Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat bagi menyempurnakan istiadat pembukaan rasmi berkenaan nanti.

derma berkenaan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abd. Karim; serta para pengarah dan pegawai kanan KHEU.

>> Muka 8



RAMADAN mendidik umat Islam menjaga hati, akhlak, tingkah laku

Muka 17



RENCANA

KEPRIHATINAN : Simbol kasih seorang raja

Muka 29



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa berucap pada Majlis Perasmian Projek Sustainable Integration of Natural and Renewable Energy (Project SINAR) pada Khamis, 12 Februari 2026 di Pulau Muara Besar, Hengyi Industries Sdn. Bhd.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Awang Haji Mirazman Haji Othman

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan selamat pagi
kepada semua.

HARI ini menandakan satu peristiwa penting dalam perjalanan Negara Brunei Darussalam (NBD) ke arah

Projek Sinar Perkukuh Aspirasi Perindustrian mampan negara

masa depan perindustrian yang mampan, ketika kita merasmikan pentauliah 'Projek Sustainable Integration of Natural and Renewable Energy', atau Projek SINAR.

Projek SINAR merupakan penyelarasan strategik dengan aspirasi iklim kebangsaan NBD. Dengan kapasiti sekitar 51 Megawatt Peak (Mwp), ini merupakan kemudahan penjana tenaga solar terbesar di NBD. Dari segi komitmen iklim, projek ini berfungsi untuk menyokong sasaran yang ditetapkan oleh Sekretariat Perubahan Iklim Brunei iaitu mencapai sebanyak 30 peratus kapasiti tenaga boleh diperbaharui menjelang 2035.

Ketika kita meraikan Ulang Tahun Ke-15 Hengyi Industries, kita menelusuri sebuah kerjasama yang telah berkembang seiring dengan pembangunan NBD. Sejak penubuhannya, Hengyi Industries telah menjadi salah satu arkitek utama sektor tenaga hiliran kita - mengubah kejayaan perindustrian menjadi peluang untuk NBD melalui peluang pekerjaan tempatan, pembangunan kemahiran khusus, dan pembinaan kapasiti jangka panjang.

Perjalanan ini tidak terhenti di sini. Dengan sokongan komitmen para pemegang sahamnya - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Strategic Development Capital Fund, Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Kumpulan Zhejiang Hengyi Group - Hengyi bakal melaksanakan peluasan signifikan

dalam beberapa bulan akan datang.

Dijadualkan siap menjelang awal tahun 2029, peluasan ini akan meningkatkan hampir tiga kali ganda kapasiti pengeluaran loji penapisan - daripada 8 juta kepada 20 juta tan metrik setahun. Ini merupakan peningkatan dari segi jumlah dan juga nilai.

Projek SINAR merupakan nadi penting dalam konteks Pelan Induk Ekonomi NBD. Walaupun negara berusaha tanpa mengenal penat lelah untuk mengembangkan sektor bukan minyak dan gas, Projek SINAR menyediakan asas yang mampan untuk pertumbuhan tersebut.

Kita juga sedang menyertai gerakan global hab perindustrian yang bukan lagi sekadar pengguna tenaga, tetapi menjadi peneraju dalam penyediaan penyelesaian tenaga

boleh diperbaharui. Ini selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 - memperhalusi sumber dan pendekatan kita bagi membina masa depan yang berdaya tahan, hijau dan makmur.

Kesimpulannya, kerjasama antara NBD dan Hengyi Industries dibina atas cita-cita bersama. Ketika kita memandang ke masa depan, saya yakin bahawa kerjasama ini akan terus memberikan manfaat yang bermakna untuk rakyat dan perniagaan kita.













Sekali lagi, setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada Hengyi Industries atas 15 tahun kecemerlangan dan kejayaan pelancaran Projek SINAR, hari ini.

Terima kasih. *Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

PROJEK SINAR merupakan penyelarasan strategik dengan aspirasi iklim kebangsaan NBD. Dengan kapasiti sekitar 51 Megawatt Peak (Mwp), ini merupakan kemudahan penjana tenaga solar terbesar di NBD. Dari segi komitmen iklim, projek ini berfungsi untuk menyokong sasaran yang ditetapkan oleh Sekretariat Perubahan Iklim Brunei iaitu mencapai sebanyak 30 peratus kapasiti tenaga boleh diperbaharui menjelang 2035.

WAKTU SEMBAHYANG										
MAC MASIHI	HARI	RAMADAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
11	RABU	21	5.01	5.11	6.28	6.51	12.31	3.44	6.32	7.41
12	KHAMIS	22	5.01	5.11	6.28	6.50	12.31	3.43	6.32	7.41
13	JUMAAT	23	5.01	5.11	6.28	6.50	12.31	3.42	6.32	7.41
14	SABTU	24	5.00	5.10	6.27	6.49	12.31	3.42	6.32	7.41
15	AHAD	25	5.00	5.10	6.27	6.49	12.30	3.41	6.32	7.41
16	ISNIN	26	4.59	5.09	6.26	6.49	12.30	3.40	6.32	7.41
17	SELASA	27	4.59	5.09	6.26	6.48	12.30	3.39	6.32	7.41

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI					
RABU		KHAMIS		JUMAAT	
Bandar Seri Begawan					
30 24 °C		30 24 °C		31 24 °C	
Pekan Bangar					
30 24 °C		30 24 °C		31 24 °C	
Pekan Tutong					
30 24 °C		30 24 °C		31 24 °C	
Kuala Belait					
30 24 °C		30 24 °C		31 24 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber: Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 11 MAC 2026

10 malam terakhir Ramadan

BULAN Ramadan kini memasuki fasa terakhir. Bulan yang mana kita mengumpul banyak pahala yang berlipat ganda. 10 malam terakhir Ramadan merupakan tempoh paling istimewa dalam bulan Ramadan kerana di dalamnya terdapat malam Lailatul Qadar, iaitu malam yang lebih baik daripada 1,000 bulan. Walaupun terasa seperti baru sahaja menyambut Ramadan, sebenarnya kita kini semakin hampir memasuki fasa paling penting dalam ibadah puasa. Doa yang sebaik-baiknya diamalkan sepanjang masa, "Ya Allah, sesungguhnya Engkau Maha Pengampun dan Engkau mencintai orang yang meminta keampunan, maka ampunilah daku". (Hadis riwayat Tirmidzi).

Bagi sesetengah orang, inilah masa untuk memperkemas ibadah yang mungkin tidak konsisten pada awal Ramadan. Bagi yang lain pula, 10 malam terakhir menjadi ruang untuk lebih fokus, lebih tenang dan lebih jujur dalam berdoa. Walaupun kita tidak mampu melakukan semuanya dengan sempurna, usaha yang ikhlas dalam malam-malam akhir ini sangat besar nilainya.

Memperbanyakkan bacaan Al-Quran walaupun sedikit tetapi berterusan. Membaca satu atau dua muka surat setiap malam dengan memahami maknanya lebih mendekati hati kepada Allah berbanding bacaan yang banyak tetapi tergesa-gesa.

Bagi yang tidak sempat mengkhataamkan Al-Quran, jangan berputus asa. Pastikan baca Surah Al-Ikhlas sebanyak tiga kali. Jika ia dilakukan pada malam yang bertepatan dengan Lailatul Qadar, ganjarannya seolah-olah khatam Al-Quran setiap malam selama lebih 83 tahun.

Manakala dua ayat terakhir Surah Al-Baqarah iaitu ayat 285 dan 286 pula dijanjikan mencukupi bagi pembacanya. Semua ini adalah galakan agar setiap detik dimanfaatkan. Perkara seterusnya ialah memastikan zikir tidak ditinggalkan. Antara zikir asas yang perlu sentiasa dibaca ialah *Subhanallah, Alhamdulillah, Allahuakbar* dan *Lailahailallah*.

Tasbeeh, Tahmid, Takbir dan Tahlil ini akan menjadi pohon di syurga, manakala kalimah "Subhanallah wa bihamdih, Subhanallahil 'Azim" pula ringan di lidah tetapi berat di timbangan dan dicintai Allah.

Banyak amalan-amalan yang dapat dilaksanakan di bulan Ramadan ini, jika amalan yang kita laksanakan tepat pada malam Lailatul Qadar insyaaAllah akan dinaikkan ganjaran berlipat ganda.

Tidak semua orang diberi peluang bertemu Ramadan, dan tidak semua yang bertemu Ramadan diberi kefahaman tentang nilai 10 malam terakhirnya.

Jangan biarkan malam yang menyamai lebih 83 tahun ibadah berlalu tanpa usaha bersungguh-sungguh. Kerana jika kita sanggup bekerja keras demi ganjaran dunia yang sementara, maka lebih layak lagi kita berusaha sepenuh hati demi ganjaran Allah yang kekal abadi. Semoga kita keluar dari Ramadan sebagai insan yang diampuni, diredai dan benar-benar berubah menuju takwa.

Mengakhiri Sidang Pengarang ini dengan membawa para pembaca untuk sama-sama menghayati dan mengambil iktibar di bulan ini. – **Ketua Penyuntingan (Fa)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دتریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دچیتق اوله قرینت قلس سنیدیرین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Pemedulian, keprihatinan bagi memastikan kesejahteraan rakyat



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat bagi memulakan pengurniaan Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi Daerah Brunei dan Muara di Dewan Resepsi, Istana Nurul Iman (atas kiri dan atas).

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM).
Keberangkatan Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

>> Muka 4

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad

>> Muka 1

Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang melibatkan seramai 19,242 penerima ini adalah merupakan kali ke-17 ia diadakan bertujuan bagi

membantu meringankan bebanan golongan-golongan tertentu khususnya dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini.

Pengagihan kurnia peribadi pada kali ini dimulakan dengan pengagihan kurnia peribadi yang disempurnakan oleh paduka - paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku wakil - wakil peribadi baginda secara serentak di keempat-empat daerah dan kemudiannya diikuti dengan pengurniaan di beberapa pusat-pusat pengagihan yang telah ditetapkan.

Berangkat bagi memulakan pengurniaan kurnia peribadi sebagai wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) di Dewan Resepsi, Istana Nurul Iman ialah Duli



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mengurniakan Kurnia Peribadi Kebawah DYMM kepada para penerima bagi DBM (kiri dan atas). Manakala gambar bawah kiri dan bawah tengah, sekitar Majlis Pengagihan Kurnia Peribadi Kebawah DYMM kepada Golongan-golongan Tertentu Khusus bagi Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam yang Beragama Islam sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Istana Nurul Iman.



BACAAN Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.



SEMENTARA di ruang lain di Istana Nurul Iman, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat menyempurnakan penyerahan Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada seramai 1,000 penerima bagi DBM (kiri dan atas).

>> Muka 3

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama

Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Pada majlis berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan mengurniakan

penyerahan Kurnia Peribadi Kebawah DYMM kepada seramai 1,000 penerima bagi DBM.

Sementara itu, di ruang lain di Istana Nurul Iman, Majlis Pengurniaan Kurnia Peribadi Kebawah DYMM di Baitur Rahmah disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Arif Awang Haji Hassan bin Haji Metali. Pada

majlis berkenaan, Yang Teramat Mulia berkenan menyempurnakan penyerahan Kurnia Peribadi Kebawah DYMM kepada seramai 1,000 penerima.

Pengurniaan Kurnia Peribadi Kebawah DYMM oleh paduka-paduka anakanda baginda di keempat-empat daerah pada hari ini menandakan bermulanya pengagihan kurnia-kurnia peribadi baginda dan diikuti kemudiannya dengan pengurniaan di pusat-pusat pengagihan yang telah ditetapkan.

Pengurniaan di pusat-pusat pengagihan akan diteruskan pada 10 hingga 11 Mac 2026 iaitu Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas dan Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam bagi DBM; Dewan Pusat Insani Seria bagi Daerah Belait dan Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong bagi Daerah Tutong.

Pengurniaan ini jelas memperlihatkan keprihatinan Kebawah DYMM yang berterusan dalam memeduli kesejahteraan dan hal ehwal golongan - golongan tertentu di negara ini lebih-lebih lagi dalam suasana negara ini tidak lama lagi akan menyambut dan merayakan Hari Raya Aidilfitri. Selain itu, para penerima juga menerima buah tangan sebelum meninggalkan istana sebagai tanda prihatin baginda serta berkongsi kegembiraan bersama.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah berkenan menyempurnakan penyerahan Kurnia Peribadi Kebawah DYMM kepada para penerima (atas kiri dan atas).



SEKITAR majlis berkenaan di Istana Nurul Iman (atas kiri, kiri dan atas). Sementara gambar kanan, bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Arif Awang Haji Hassan bin Haji Metali.



KURNIA PERIBADI BANTU RINGKANKAN BEBANAN GOLONGAN TERTENTU



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Daerah Belait (atas dan kanan).

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana Haji Othman

BELAIT, Isnin, 9 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun ini sekali lagi berkenan mengurniakan kurnia peribadi baginda sempena Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi kepada golongan-golongan tertentu

yang terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang beragama Islam. Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ini adalah merupakan kali ke-17 diadakan bertujuan bagi membantu meringankan bebanan golongan-golongan yang tertentu khususnya dalam

menyambut Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini. Pengagihan kurnia peribadi pada kali ini dimulakan dengan pengagihan kurnia peribadi yang disempurnakan oleh paduka - paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku wakil-wakil peribadi baginda secara serentak di keempat-empat daerah dan diikuti dengan pengagihan kurnia di beberapa pusat-pusat pengagihan yang telah ditetapkan. Berangkat selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang

Maha Mulia bagi menyempurnakan Majlis Pengurniaan Kurnia Peribadi baginda di Daerah Belait ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik di Pusat Insani, Seria dijunjung oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Timbalan Mufti Kerajaan,

Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin. Pada majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyempurnakan penyerahan Kurnia Peribadi Kebawah DYMM kepada seramai 1,000 penerima bagi Daerah Belait. Pengurniaan Kurnia Peribadi Kebawah DYMM oleh paduka-paduka anakanda baginda di keempat-empat daerah hari ini menandakan bermulanya pengagihan Kurnia-kurnia Peribadi Kebawah DYMM, diikuti dengan pengurniaan di pusat-pusat pengagihan yang telah ditetapkan dari 10 hingga 11 Mac 2026 dan bagi Daerah Belait pengagihan kurnia peribadi diadakan di Pusat Insani, Seria.

Pengurniaan ini, jelas memperlihatkan keprihatinan Kebawah DYMM yang berterusan terhadap memedulikan kesejahteraan dan hal ehwal golongan-golongan tertentu di negara ini lebih-lebih lagi dalam beberapa hari sahaja lagi negara akan menyambut Hari Raya Aidilfitri. Selain itu, para penerima juga menerima buah tangan sebagai tanda prihatin baginda serta berkongsi kegembiraan bersama.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menyempurnakan penyerahan Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada para penerima (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar bawah, suasana pada majlis berkenaan yang diadakan di Pusat Insani, Seria, Daerah Belait. Sementara gambar kanan, bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Timbalan Mufti Kerajaan.



KURNIA PERIBADI CERMINKAN RASA KASIH RAJA KEPADA RAKYAT



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Daerah Tutong bagi menyempurnakan Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada Golongan-golongan Tertentu khusus bagi Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam yang Beragama Islam sempena Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

TUTONG, Isnin, 9 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pagi tadi berkenan berangkat ke Daerah Tutong

bagi menyempurnakan Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada Golongan-golongan Tertentu khusus bagi Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam (NBD) yang Beragama Islam sempena Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ke Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Majlis terdahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Arif Dato Seri Setia Awang Haji Johar bin Haji Muhammad.

Di majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyerahkan Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada seramai 1,000 orang penerima dari daerah berkenaan.

Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ini merupakan kali ke-17 ia diadakan bertujuan bagi membantu meringankan bebanan golongan - golongan tertentu khususnya dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang tiba.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama beberapa penerima rata-rata merafakkan dan melahirkan rasa syukur dan terima kasih yang tidak terhingga Kehadapan Majlis Kebawah DYMM atas kurnia peribadi baginda ini dan secara berterusan memedulikan hal ehwal rakyat dengan tulus dan ikhlas.

Awang Haji Emran bin Haji

Abdullah, 54 tahun, yang berasal dari Kampung Kiudang adalah merupakan penerima dari golongan Orang Berkeperluan Khas (OBK), beliau melahirkan rasa syukur di atas kurnia peribadi ini yang sangat membantu bagi mereka yang kurang berkemampuan dan dapat meringankan beban beliau dan keluarga dalam menampung perbelanjaan keperluan harian.

"Saya sangat - sangat menjunjung kasih dan merafakkan rasa syukur Kehadapan Majlis Kebawah DYMM di atas pemberian kurnia peribadi baginda ini, selain dapat membantu meringankan bebanan golongan - golongan yang memerlukan, baginda juga merupakan seorang raja yang sangat prihatin dan berjiwa rakyat yang banyak menyalurkan kemudahan - kemudahan kebajikan seperti dari Jabatan Pembangunan

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Dk. Nurhafilah Pg. Osman



Masyarakat, bantuan sara hidup, bantuan kebajikan serta beberapa bantuan lain yang disalurkan oleh kerajaan baginda," ujar Awang Haji Emran.

Beliau turut mendoakan kesejahteraan Kebawah DYMM semoga dilanjutkan usia, sihat walafiat di dalam lindungan Allah Subhanahu Wata'ala dan kekal karar memerintah NBD.

Sementara Dayang Hajah Petimah binti Haji Saidi @ Saideh, 77 tahun, salah seorang penerima dari golongan warga emas menzahirkan rasa syukur di atas pengurniaan Kurnia Peribadi Kebawah DYMM ini yang dapat membantu dalam perbelanjaan menyambut Hari Raya yang bakal menjelang tiba.

Manakala salah seorang penerima dari golongan anak yatim, Dayang Nur Syafiqah Bazilah binti Herdy Marwadi, 15 tahun, melahirkan rasa syukur di atas Kurnia Peribadi

Kebawah DYMM ini, di mana beliau merupakan pertama kali menerima kurnia ini dan berhasrat akan berkongsi kegembiraan ini bersama kalangan ahli keluarga beliau nanti lebih-lebih lagi menyediakan persiapan menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Beliau turut merafakkan rasa syukur dan memuji sifat pemedulian dalam kepimpinan baginda yang berjiwa rakyat, sentiasa kasih dan memedulikan kebajikan rakyat tanpa mengira golongan dan lapisan masyarakat di negara ini.

Melalui pengurniaan ini jelas memperlihatkan keprihatinan Kebawah DYMM yang berterusan dalam memedulikan kesejahteraan dan hal ehwal golongan-golongan tertentu di negara ini, lebih-lebih lagi dalam beberapa hari sahaja lagi negara akan menyambut dan merayakan Hari Raya Aidilfitri.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menyempurnakan penyerahan Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada para penerima (atas dan kanan). Manakala gambar bawah dan bawah kanan, sekitar majlis tersebut.



BACAAN Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Arif Dato Seri Setia Awang Haji Johar bin Haji Muhammad.



KURNIA PERIBADI MEMPERLIHATKAN KEPERIHATINAN KEBAWAH DYMM

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said,
Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkih binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada majlis berkenaan bagi Daerah Temburong (kiri dan kanan).

TEMBURONG, Isnin, 9 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun ini sekali lagi telah berkenan mengurniakan kurnia peribadi baginda sempena Hari Raya Aidilfitri kepada golongan - golongan tertentu yang terdiri daripada rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam yang beragama Islam.

Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang melibatkan seramai 19,242 penerima ini merupakan kali yang ke-17 ia diadakan yang bertujuan bagi membantu meringankan bebanan golongan-golongan tertentu khususnya dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini.

Pengagihan kurnia peribadi pada kali ini telah disempurnakan oleh

paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku wakil-wakil peribadi baginda secara serentak di keempat-empat daerah, diikuti dengan pengagihan kurnia di beberapa pusat-pusat pengagihan yang telah ditetapkan.

Di Daerah Temburong, berangkat selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkih binti Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkih ke Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar, Daerah Temburong dijunjung oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang

Arif Awang Haji Muhammad Bahrin bin Haji Alias.

Di majlis tersebut, Yang Teramat Mulia telah berkenan menyerahkan Kurnia Peribadi Kebawah DYMM kepada seramai 677 orang penerima bagi Daerah Temburong.

Pengurniaan ini jelas memperlihatkan keprihatinan Kebawah DYMM yang berterusan dalam memedulikan kesejahteraan dan hal ehwal golongan-golongan tertentu di negara ini lebih-lebih lagi dalam beberapa hari sahaja lagi negara akan menyambut dan merayakan Hari Raya Aidilfitri.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkih berkenan menyempurnakan penyerahan Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada para penerima (atas dan kanan). Manakala gambar bawah dan bawah kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.



BACAAN Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Arif Awang Haji Muhammad Bahrin bin Haji Alias.

RAPTAI PENUH ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MMN



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara hadir menyaksikan raptai penuh Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi (atas kanan). Manakala gambar atas, sekitar raptai penuh tersebut.



Oleh : Muhammad Aiman Najib Hamzah
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

>> Muka 1

Hadir menyaksikan raptai penuh berkenaan, Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Turut hadir semasa raptai penuh berkenaan, Jurutulis Majlis

Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, serta pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat dan agensi-agensi yang terlibat dalam istiadat berkenaan nanti.

19 anak yatim warga KHEU terima sumbangan derma



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hasif Matzin

>> Muka 1

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Tahlil serta

Doa Arwah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Ahmad Syafiq bin Haji Osman.

Seterusnya, penyampaian sumbangan derma kepada anak-anak yatim dan kemudiannya diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis berkenaan diadakan bertujuan untuk menzahirkan rasa



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis dan menyampaikan sumbangan derma kepada salah seorang penerima pada majlis berkenaan yang telah mengambil tempat di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis (kiri dan atas).

keprihatinan dan kasih sayang terhadap anak-anak yatim di samping menyemarakkan semangat kebersamaan, memperkukuh ukhuwah serta menggalakkan amalan bersedekah dan berkongsi rezeki dalam

kalangan warga KHEU lebih-lebih lagi dalam bulan Ramadan yang mulia dan penuh keberkatan, selaras dengan tuntutan Islam yang amat menitikberatkan kebajikan dan kesejahteraan anak-anak yatim.

Zakat

Fitrah

BAGI TAHUN 1447H
BERSAMAAN 2026M

Zakat Fitrah bagi tiap-tiap seorang Islam di Negara ini ialah 2 Kilo 268 Gram atau dengan nilai wang seperti berikut:

Beras Wangi :
\$ 2.84

Beras Siam :
\$ 1.93

RUJUKAN: SURAT PEMBERITAHUAN MAJLIS UGAMA ISLAM BIL: 2/2026

WAKTU MEMBAYAR

- Waktu Harus: Sejak dari awal bulan Ramadhan
- Waktu Sunat: Selepas sembahyang Subuh sehingga mendirikan sembahyang Hari Raya
- Waktu Wajib: Setelah terbenam matahari akhir bulan Ramadhan
- Waktu Makruh: Selepas sembahyang Hari Raya sehingga terbenam matahari Hari Raya
- Waktu Haram: Setelah terbenam matahari Hari Raya pertama. Bahkan perbuatan ini adalah suatu dosa namun wajib dibayar juga sebagai qadha kerana dikeluarkan di luar waktu.

TEMPAT MEMBAYAR

- Kaunter Perkhidmatan JUZWAB
- Amil-Amil yang Dilantik Seluruh Negara
- Secara atas Talian melalui:
 - DST E-Zakat
 - BIBD
 - TAIB
 - PROGRESIF
 - IMAGINE



جہان اور وسن زکاة، وقف داران بیت المال
JABATAN URUSAN ZAKAT, WAQAF DAN BAITULMAL
Kementerian Hal Ehwal Ugama | Negara Brunei Darussalam



www.mora.gov.bn
[juzwab_kheu](https://www.facebook.com/juzwab_kheu)
[juzwab](https://www.instagram.com/juzwab)

KEMENTERIAN KESIHATAN SEMARAK SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada salah seorang penerima yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan (atas dan kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Kementerian Kesihatan mengadakan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran, Khatam Al-Quran dan Penyampaian Sumbangan Derma kepada anak-anak yatim sempena bulan Ramadan tahun ini yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr.

Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh qari Kementerian Kesihatan, Awang Ahmad Syujaie bin Begawan Mudim Haji Matassim.

Acara kemudian diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan khatam Al-Quran beramai-ramai dan seterusnya Doa Khatam.

Seterusnya, penyampaian sumbangan derma kepada 27 anak yatim disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis. Para penerima terdiri daripada anak-anak warga Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Pada majlis berkenaan, tetamu kehormat majlis juga menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Kementerian Kesihatan dan

cenderamata kepada hakim pertandingan.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan Doa Peliharakan Sultan oleh Awang Haji Mohd. Emmarul bin Haji Azamain dari Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Turut hadir, Pemangku Setiausaha Tetap (Professional), Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar

dan Pengurusan), Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Md. Khalifah bin Pengiran Haji Ismail; ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.

Majlis berkenaan adalah anjuran bersama Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Jabatan Perkhidmatan Makmal.

KSSUP memperingati Nuzul Al-Quran



BERAKAS, Selasa, 10 Mac. - Kementerian Sumber - Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) serta jabatan-jabatan di bawahnya pagi tadi mengadakan Majlis Memperingati Nuzul Al-Quran dan

Penyampaian Derma kepada Anak-anak Yatim bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian berkenaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian derma kepada salah seorang penerima (kiri sekali dan kiri).

oleh Awang Muhammad Safwan bin Mohd. Suffian.

Majlis seumpama ini merupakan salah satu daripada aktiviti keagamaan tahunan yang diungkuhkan oleh KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya bersempena bulan Ramadan.

Ia bertujuan untuk menyemarakkan lagi bulan Ramadan Mubarak, di samping meraih ganjaran pahala dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis juga bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara para pegawai dan kakitangan serta menzahirkan sifat keprihatinan terhadap golongan anak-anak yatim dalam kalangan pegawai dan kakitangan di KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya.



majlis ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang dibacakan oleh Awang Muhammad Yusuf Haikal bin Mohamad Hashim dan terjemahannya oleh Awang Ahmad Darwish bin Hamdan,

pelajar-pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan Ceramah Khas yang bertajuk 'Al-Quran: Cahaya Petunjuk Sepanjang Zaman' yang disampaikan oleh penceramah undangan iaitu Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Muhammad Safwan bin Mohd. Suffian, diikuti dengan penyampaian derma kepada seramai 53 orang anak yatim oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang juga dibacakan



BACAAN ayat-ayat suci Al-Quran dan terjemahannya dibacakan oleh pelajar-pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (kiri). Sementara gambar kanan, Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah ketika menyampaikan Ceramah Khas.

MAJLIS TAKREEM AL-QURAN ANJURAN KHEDN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Takreem Al-Quran yang dikendalikan oleh Jabatan Penjara bertempat di Dewan Serbaguna, Tingkat 6, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya petang tadi mengadakan Majlis Takreem Al-Quran yang dikendalikan oleh Jabatan Penjara bertempat di Dewan Serbaguna, Tingkat 6, Kementerian berkenaan, di ibu negara.

Majlis antara lain bertujuan untuk memartabatkan dan memuliakan Al-Quran bagi pegawai dan

kakitangan di bawah jabatan-jabatan, KHEDN.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan KHEDN.

Majlis dimulakan dengan bacaan Takhtim diawali dengan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang

Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Seterusnya Penyampaian Derma kepada seramai 50 orang anak-anak yatim dan orang kelainan upaya bagi warga KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyempurnakan penyampaian derma kepada salah seorang penerima.



143 anak yatim diraikan pada Majlis Iftar Ramadan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat Majlis Iftar Ramadan (atas). Manakala gambar kanan, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut yang telah mengambil tempat di Songket Ballroom, Rizqun International Hotel.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Mac. - Dalam sama-sama mengambil berat serta menzahirkan sikap prihatin terhadap kebajikan anak-anak yatim dan yang memerlukan di negara ini, Rizqun International Hotel dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) lewat petang tadi mengadakan Majlis Iftar Ramadan bersama anak-anak yatim dan golongan memerlukan yang terdiri daripada para pelajar persekolahan Arab dan agama

bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Songket Ballroom, hotel berkenaan ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad dan isteri.

Turut hadir, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haii Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Nor Ashikin binti

Haji Johari.

Juga hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, Dr. Siti Norkhalbi bin Haji Wahsalfelah; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim serta pegawai-pegawai dari JPI, KHEU.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah, Surah Yaa Siin, Tahليل serta Doa Arwah yang dipimpin

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



oleh Awang Mohammad Zamery Haji Nayan dari JPI.

Majlis diteruskan dengan penyerahan sumbangan derma kepada seramai 143 pelajar sekolah Arab dan agama yang terdiri daripada golongan anak-anak yatim dan pelajar memerlukan.

Penyampaian sumbangan tersebut disempurnakan oleh tetamu kehormat dan turut disusuli oleh wakil Abdul Razak Holdings serta para tetamu dan hadirin yang lain. Majlis tersebut merupakan

salah satu amal infak oleh pihak Abdul Razak Holdings bersempena mengambil keberkatan bulan Ramadan.

Inisiatif ini secara tidak langsung membantu meringankan beban perbelanjaan anak-anak yatim menjelang Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini, di samping bersama-sama mendoakan mereka yang telah kembali ke rahmatullah khususnya ibu bapa dan penjaga anak-anak yatim serta umat Islam amnya.

KSSUP ADAKAN MAJLIS PENUTUP TADARUS AL-QURAN



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir di majlis tersebut dan menyempurnakan penyampaian sumbangan wakaf (kiri dan bawah kiri).

KULAPIS, Isnin, 9 Mac. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) lewat petang tadi mengadakan Majlis Penutup Tadarus Al-Quran sempena bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang dikendalikan bersama oleh Jabatan Perhutanan dan Jabatan Kemajuan Pelancongan, bertempat di Masjid Pehin Khatib Abdullah, Kampung Kulapis.

Hadir ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Atur cara didahului dengan penyerahan sumbangan wakaf dari KSSUP yang berupa peralatan-peralatan keperluan masjid kepada Imam Masjid Pehin Khatib Abdullah, Kampung Kulapis.

Seterusnya, bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran beramai-ramai.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



ELAKKAN MEMANDU DI LORONG KANAN

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

Acara disudahi dengan berbuka puasa dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Majlis Tadarus Al-Quran berkenaan antara lain merupakan antara kegiatan keagamaan tahunan yang diadakan pada setiap tahun dalam bulan Ramadan yang diumumkan oleh KSSUP.

Ia juga bertujuan bagi mengeratkan silaturahim di antara para pegawai dan kakitangan serta jemaah masjid dan penduduk

kampung, di samping bagi mendapatkan keberkatan serta ganjaran pahala yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Juga hadir, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai dan kakitangan daripada KSSUP, jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di bawahnya, serta Ahli Takmir Masjid, ketua kampung dan penduduk Kampung Kulapis.

Berkongsi rezeki bersama anak yatim

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

TANJONG BUNUT, Selasa, 10 Mac. - Bagi meringankan beban perbelanjaan, memudahkan urusan serta menggembirakan anak-anak yatim pada bulan Ramadan ini dan menjelang Hari Raya Aidilfitri, seramai lapan anak yatim dari Kampung Tanjong Bunut menerima sumbangan derma pada Majlis Penyampaian Sumbangan Derma Anak Yatim Kampung Tanjong Bunut anjuran Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut, bertempat di masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan berkenaan, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim. Turut hadir, Menteri

Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, selaku Penaung AJK Takmir Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut.


Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan penyampaian sumbangan derma anak yatim oleh tetamu kehormat majlis.

Acara diteruskan dengan Majlis Khatam Al-Quran sempena bulan Ramadan dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Selain menghidupkan amalan bersedekah dan berkongsi rezeki dengan anak-anak yatim, lebih-lebih lagi dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, majlis berkenaan juga bertujuan menggalakkan masyarakat untuk terus mengimarahkan masjid sebagai pusat ibadah, di samping

mendorong umat Islam di negara ini agar sentiasa membaca serta menghayati bacaan Al-Quran dalam kehidupan seharian.

SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan (kanan dan bawah kiri). Turut hadir, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, selaku Penaung AJK Takmir Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut (kanan).



Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

Kementerian Kesihatan
MINISTRY OF HEALTH

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

KONGSI AMALAN TERBAIK DALAM PENGAJARAN, PEMBELAJARAN BAHASA



■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

REPUBLIK SINGAPURA, Selasa, 10 Mac. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, telah menghadiri Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Pusat Bahasa Serantau SEAMEO (Regional Language Centre, RELC) Kali Ke-60 selaku tetamu kehormat, dalam kapasiti beliau sebagai Presiden Majlis Pertubuhan Menteri Pendidikan Asia Tenggara (Southeast Asian Ministers of Education Organisation, SEAMEO) bagi penggal 2025-2027.

Majlis perasmian berkenaan telah diadakan pada 9 Mac 2026 di Bangunan Pusat Serantau SEAMEO RELC, Republik Singapura.

Persidangan Antarabangsa

RELC tersebut merupakan acara tahunan yang berfungsi sebagai platform utama bagi pendidik dan penyelidik dari seluruh dunia untuk berkongsi amalan terbaik serta inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa.

Sebagai program utama sejak tahun 1968, persidangan ini memupuk kerjasama antarabangsa dan memajukan kecemerlangan pendidikan bahasa di rantau ini dan seterusnya.

Dalam Ucapan Perasmian, Yang Berhormat Menteri Pendidikan menekankan kepentingan tema tahun ini, iaitu 'Global Trends and Innovations in Language Education: Theory, Research, and Practice in Action'.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai peranan

YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Pusat Bahasa Serantau SEAMEO (Regional Language Centre, RELC) Kali Ke-60, dalam kapasiti beliau sebagai Presiden Majlis Pertubuhan Menteri Pendidikan Asia Tenggara.

transformatif Kecerdasan Buatan Generatif (GenAI) sebagai 'rakan kognitif' dalam pendidikan bahasa, di samping menggariskan kepentingan inklusiviti, kepelbagaian linguistik, dan kelestarian.

Dalam pada itu, Yang Berhormat turut menggalakkan para peserta untuk menterjemahkan penyelidikan kepada amalan yang bermakna, bagi memastikan inovasi kekal berpaksikan manusia dan saksama.

Berikutan Majlis Perasmian, Yang Berhormat telah mengadakan kunjungan rasmi ke SEAMEO RELC atas kapasiti beliau sebagai Presiden Majlis SEAMEO.

Semasa sesi tersebut, Yang Berhormat telah diberikan taklimat mengenai peranan strategik, bidang kepakaran, dan program-program utama pusat berkenaan, termasuk impak serantau dan rancangan pembangunan masa hadapan.

Taklimat tersebut turut menyentuh mengenai penglibatan berterusan peserta dari Negara Brunei Darussalam (NBD),

yang mencerminkan kerjasama erat yang sekian lama terjalin antara NBD dan pusat tersebut.

Kunjungan tersebut diakhiri dengan tinjauan ke kemudahan-kemudahan pusat berkenaan.

Semasa berada di Republik Singapura, Yang Berhormat juga telah mengadakan kunjungan hormat kepada Pemangku Menteri (Kebudayaan Komuniti dan Belia) serta Menteri Kanan Negara (Pendidikan), Republik Singapura, Tuan Yang Terutama David Neo.

Pertemuan tersebut berfungsi untuk memperkukuh hubungan dua hala dan menyediakan platform bagi pertukaran pandangan mengenai inisiatif yang berjaya serta kepentingan bersama dalam pendidikan, yang mencerminkan komitmen kedua-dua buah negara dalam melahirkan generasi yang sedia masa hadapan.

Yang Berhormat turut melawat para penerima Biasiswa

Pendidikan Belia Brunei Darussalam - Republik Singapura bertempat di Victoria Hall, Republik Singapura.

Semasa sesi tersebut, Yang Berhormat memberi galakan kepada para penerima biasiswa untuk berusaha mencapai kecemerlangan akademik sebagai duta muda NBD, di samping terus berpegang teguh kepada nilai-nilai Melayu Islam Beraja (MIB), sebagai persediaan bagi peranan sebagai pemimpin masa hadapan.

Turut mengiringi Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam lawatan kerja tersebut ialah Pesuruhjaya Tinggi NBD ke Republik Singapura, Puan Yang Terutama Dayang Hajah Noor Qamar binti Haji Sulaiman; Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin, selaku Pengerusi Mesyuarat Pegawai - pegawai Kanan SEAMEO bagi penggal 2025-2027, serta pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan.

Meningkatkan kesedaran keusahawanan, literasi kewangan serta pembangunan bakat

■ Siaran Akhbar dan Foto : Tabung Amanah Pekerja

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Tabung Amanah Pekerja (TAP) telah memeterai satu kerjasama rasmi melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) yang bertujuan meningkatkan kesedaran keusahawanan, literasi kewangan serta pembangunan bakat dalam kalangan pelajar dan alumni UTB.

MoU berkenaan telah ditandatangani oleh Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman; dan Interim Pengarah Urusan TAP, Awang Azmilien bin Haji Ramlee, pada satu majlis yang berlangsung di kampus UTB.

Turut hadir pada majlis berkenaan adalah wakil-wakil pihak pengurusan UTB dan TAP.

Kerjasama berkenaan bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dan penyertaan dalam skim-skim yang ditawarkan oleh TAP, khususnya Skim Persaraan Kebangsaan bagi individu Bekerja Sendiri (SPK SE).

Melalui inisiatif berkenaan, UTB dan TAP berhasrat untuk memperkukuh kesedaran mengenai SPK SE dalam kalangan pelajar, graduan dan individu yang bekerja sendiri; membekalkan pelajar dengan kemahiran serta sumber keusahawanan bagi memupuk inovasi dan pekerjaan sendiri, menyokong pendaftaran dalam talian bagi SPK SE untuk meningkatkan kesiapsiagaan kewangan jangka panjang, serta memperkaya ekosistem keusahawanan pelajar melalui program kesedaran, bengkel, dan aktiviti kolaboratif.

Kedua-dua institusi komited untuk mengoptimalkan kepakaran serta sumber masing-masing bagi mencapai matlamat bersama yang selaras dengan keutamaan pembangunan negara dan institusi.

Kerjasama berkenaan mencerminkan komitmen bersama UTB dan TAP dalam memperkukuh modal insan Negara Brunei Darussalam, memupuk pertumbuhan berasaskan inovasi, serta menyokong aspirasi negara di bawah agenda transformasi sosioekonomi dan digital.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan TAP di talian +673 2722929 semasa waktu bekerja atau melalui e-mel di ask@tap.com.bn.

Untuk maklumat terkini, ikuti TAP di Facebook atau [TAP_Brunei](https://www.instagram.com/TAP_Brunei) di Instagram.



DATIN Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman bersama Awang Azmilien bin Haji Ramlee menandatangani MoU tersebut yang berlangsung di kampus UTB.

KKBS bertahlil di Kubah Makam Diraja



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir mengetuai rombongan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya pada Majlis Bertahlil dan Membaca Surah Yaa Siin.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Bertahlil dan Membaca Surah Yaa Siin khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman

serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Majlis berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

Hadir mengetuai rombongan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pejabat Hal Ehwal Masjid, Daerah Brunei dan Muara, Awang Mohammad Hisyamuddin bin Haji Mohd. Noor.

Majlis Tahlil ini merupakan antara acara keagamaan tahunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang diungkuhkan oleh Jabatan Muzium-Muzium.

Majlis ini dapat mengimarahkan bulan Ramadan dengan amalan keagamaan serta mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan para pegawai dan kakitangan serta jemputan yang hadir.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, pengarah-pengarah bahagian dan jabatan, pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya, persatuan-persatuan belia, persatuan belia-belia masjid, persatuan-persatuan sukan, jurulatih-jurulatih sukan, Pusat Kegiatan Warga Emas, pihak NGO serta pihak-pihak berkepentingan yang lain.

Warga KKBS anjur Sambutan Nuzul Al-Quran



BERAKAS, Isnin, 9 Mac. - Sambutan Nuzul Al-Quran bukan sahaja mengingatkan umat Islam tentang sejarah penurunan kitab suci Al-Quran, malah menjadi peluang untuk memperkukuh hubungan dengan Al-Quran melalui pembacaan, penghayatan dan pengalaman ajarannya dalam kehidupan seharian.

Dalam terus menghayati makna sebenar Nuzul Al-Quran serta memperkukuh nilai-nilai Islam, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) serta jabatan-jabatan di bawahnya petang tadi mengadakan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran bagi

Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2026 Masihi berlangsung di Dewan Digadong, KKBS.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Timbalan Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit selaku Timbalan Pengerusi majlis.

Ini kemudian diteruskan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, iaitu Surah Al-Qadr oleh Guru

Ugama, Kompleks Rumah Kebajikan, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Awang Haji Nordin bin Haji Durahman, manakala pembaca ibrah bagi surah tersebut ialah Pemangku Pegawai Pembangunan Masyarakat dan Pemangku Ketua Guru Ugama, Pusat Bahagia Brunei dan Muara, JAPEM, Awang Haji Nuurmati bin Haji Abu Bakar.

Seterusnya, majlis turut diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Berdamping dengan Al-Quran' yang disampaikan oleh Pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak yang antara lain menekankan kepentingan menjadikan Al-Quran dengan membiasakan diri membaca, mentadabbur maknanya dan mengamalkan ajarannya dalam setiap aspek kehidupan.

Selain itu, ceramah ini juga bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kelebihan mendampingi Al-Quran, terutama dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Khas bagi kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertua Negara Brunei Darussalam oleh Pembantu Perkembangan Ugama, Pusat Pembangunan Belia, Awang Md.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas), manakala gambar kiri, Pemangku Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka selaku Timbalan Pengerusi majlis ketika menyampaikan ucapan alu-aluan.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Nabil bin Haji Ruslan. Turut hadir, Setiausaha - setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua bahagian dan jabatan serta pegawai dan kakitangan KKBS.

Majlis tahun ini dikendalikan oleh DBP, KKBS di mana ia merupakan salah satu aktiviti tahunan keagamaan KKBS serta jabatan-jabatan di bawahnya yang

bertujuan untuk memperingati dan menyemarakkan peristiwa bersejarah, iaitu Nuzul Al-Quran bersempena dengan turunnya ayat pertama kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Dengan memperingati dan menghayati peristiwa tersebut, mudah-mudahan kita sentiasa mengingati dan mencintai Al-Quran.

ZAHIR KEPRIHATINAN TERHADAP ANAK-ANAK ISTIMEWA WARGA ABDB



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Mac. - Bersempena bulan suci Ramadan 1447 Hijrah, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB)



terus menzahirkan keprihatinan terhadap anak-anak istimewa warga ABDB dengan menganjurkan majlis penyampaian sumbangan di beberapa lokasi yang berasingan, baru-baru ini.

Di lokasi utama, majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan Selawat Syifa serta Doa Selamat yang dipimpin oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sumbangan oleh Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan isteri, Datin Ummisyafinah binti Haji Zaini juga selaku Yang Dipertua Persatuan Kebajikan Isteri (BAKTI) ABDB kepada 54 orang anak-anak istimewa warga ABDB bertempat di Mes Pegawai, Bolkih Garison.

Sementara itu, seramai 271 orang anak-anak istimewa warga ABDB dari Daerah Brunei dan Muara telah menerima sumbangan yang disampaikan oleh Pegawai-pegawai Kanan ABDB di beberapa lokasi dalam perkhemahan ABDB, iaitu oleh Timbalan Pemerintah ABDB, Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Mohammad Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim di Dewan Istiadat Akademi Pertahanan.

Seterusnya, Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Brigedier Jeneral Aldi bin Haji Hassan, di Mes Pegawai Berakas

ISTERI Pemerintah ABDB, selaku Yang Dipertua Persatuan Kebajikan Isteri (BAKTI) ABDB semasa menyempurnakan penyampaian sumbangan di Mes Pegawai, Bolkih Garison.



PEMERINTAH ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan semasa menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima (kiri). Manakala gambar atas, Timbalan Pemerintah ABDB hadir menyempurnakan penyampaian sumbangan di Dewan Istiadat Akademi Pertahanan.

Garison; Pemerintah Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Laksamana Pertama Sahibul Bahari bin Haji Zainal Abidin, di Dewan Samudera, Pangkalan Muara Tentera Laut dan Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), Brigedier Jeneral (Udara) Haji Haszahaidi bin Haji Ahmad Daud, di Dewan Punai, Pangkalan Tentera Udara Rimba.

Manakala, seramai 44 penerima dari Daerah Tutong menerima sumbangan yang disampaikan oleh Pemerintah Angkatan Bersama ABDB, Kolonel Pengiran Noor Rumaizi bin Pengiran Othman, di Mes Pegawai Perkhemahan Tutong.

Enam penerima dari Daerah Temburong pula menerima sumbangan yang disampaikan oleh Timbalan Pemerintah TDDB,

Kolonel Muhammad Wata bin Abdullah Awat, di Dewan Ad-Dhuha, Perkhemahan Bangar, manakala enam orang penerima dari Daerah Belait menerima sumbangan yang disampaikan oleh Timbalan Pemerintah TLDB, Kepten Mohammad Azrin bin Haji Mahmud, TLDB, di Mes Pegawai Perkhemahan Lumut.

Sumbangan telah disalurkan dalam bentuk kutipan tunai, sebanyak BND114,100 daripada Dana Kebajikan ABDB dan BND16,300 daripada BAKTI ABDB. Inisiatif kemasyarakatan tahunan ini mencerminkan keprihatinan dan komitmen ABDB dalam membantu serta menyokong kebajikan anak-anak istimewa warga ABDB dan keluarga mereka.

Majlis Khatam Al-Quran 42 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-42 Tahun

Daerah Brunei dan Muara

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



MAJLIS Khatam Al-Quran tersebut melibatkan lebih 1,400 orang peserta yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi, penuntut-penuntut, ahli-ahli persatuan, sukarelawan-sukarelawan serta qari dan qariah (atas dan bawah kanan).

>> Muka 1

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, diikuti dengan bacaan Khatam Al-Quran mulai daripada Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad yang dikepalai oleh penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), dan diteruskan dengan bacaan Takhtim Al-Quran diketuai oleh mahasiswa

Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Mohammad Hafizuddin bin Mohammad Sainin.

Sementara Doa Khatam pula dibacakan oleh penuntut ITQSHHB, kemudian diikuti dengan Dikir Marhaban daripada mahasiswa Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan NBD oleh Penguasa Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, Awang Haji Hariz bin Haji Subuh.

Majlis Khatam Al-Quran 42



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat dan memimpin bacaan Surah Al-Fatihah di Majlis Khatam Al-Quran berkenaan.

Kali melibatkan lebih 1,400 orang peserta di keempat-empat daerah yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi institusi pengajian tinggi, penuntut-penuntut Institusi Pendidikan Teknikal Brunei, penuntut-penuntut maktab dan sekolah menengah, sekolah Arab, ahli-ahli persatuan belia dan sukan serta pergerakan - pergerakan belia, pelatih Pusat Pembangunan Belia, sukarelawan-sukarelawan, belia-belie masjid, ahli-ahli Pertubuhan Wargamas dan Pusat Kegiatan Warga Emas serta qari dan qariah.

Antara tujuan majlis tersebut diadakan adalah untuk menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-42, Tahun 2026 dengan pengisian - pengisian yang

bermanfaat terutama pembacaan Al-Quran selaras dengan hasrat negara untuk menjadikan NBD sebagai Negara Zikir.

Dengan adanya majlis seumpama ini juga secara tidak langsung akan dapat mempertingkatkan dan

menguatkan lagi persefahaman serta kerjasama di antara agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan dan tarbiah belia serta masyarakat ke arah menggalakkan penglibatan belia dan masyarakat dalam aktiviti keagamaan.



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan, Kuala Belait (atas). Sementara gambar kanan dan bawah, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

BELAIT, Selasa, 10 Mac. - Majlis Khatam Al-Quran 42 Kali merupakan salah satu acara sampingan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-42, Tahun 2026 yang telah

diadakan secara serentak di keempat-empat daerah pada hari ini.

Bagi Daerah Belait, majlis diadakan pada pagi tadi bertempat di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan, di

sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang diketuai oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan Khatam Al-Quran mulai daripada Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad yang diketuai oleh Awang Alif Muradi bin Azri, penuntut Tahun 13SC15, Pusat Tingkatan Enam dan diteruskan dengan bacaan Takhtim Al-Quran diketuai oleh Muslimah Masjid RPN Kampung Pandan, Dayang Hajah Hamsiah binti Haji Mohd. Hussein; dan bacaan Doa Khatam oleh Awangku Syazwan Sahah bin Pengiran Damit, penuntut Tahun 7, Sekolah Arab Belait.

Majlis kemudian diteruskan dengan Dikir Marhaban yang diketuai oleh Awang Ahmeddani bin Haji Abdul Rahman, gabungan ahli



Daerah Belait

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Kuala Belait dan penuntut Sekolah Menengah Perdana Wazir dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan NBD yang dipimpin oleh Imam Masjid RPN Kampung Pandan, Awang Abdul Qayyum bin Haji Aminuddin.

Majlis Khatam Al-Quran 42 Kali melibatkan lebih 1,400 peserta di keempat-empat daerah yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi institusi pengajian tinggi, penuntut-penuntut Institusi Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), penuntut-penuntut maktab dan sekolah menengah, sekolah Arab, ahli-ahli persatuan belia dan sukan serta pergerakan-pergerakan belia, pelatih Pusat Pembangunan Belia (PPB), sukarelawan-sukarelawan, belia-belie masjid, ahli-ahli Pertubuhan WARGAMAS dan

PKWE serta qari dan qariah.

Majlis berkenaan diadakan bertujuan untuk menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-42, Tahun 2026 dengan pengisian-pengisian yang bermanfaat terutama pembacaan Al-Quran selaras dengan hasrat negara untuk menjadikan NBD sebagai sebuah Negara Zikir.

Dengan adanya majlis seumpama berkenaan juga secara tidak langsung akan dapat mempertingkatkan dan menguatkan lagi persefahaman serta kerjasama di antara agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan dan tarbiah belia serta masyarakat ke arah menggalakkan penglibatan belia dan masyarakat dalam aktiviti keagamaan.

Majlis Khatam Al-Quran 42 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-42 Tahun

Daerah Tutong

Oleh : Nurdiyana Rajami
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Nurdiyana Rajami



TUTONG, Selasa, 10 Mac. – Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampung Sengkarai menjadi masjid tumpuan utama bagi Daerah Tutong dalam mengadakan Majlis Khatam Al-Quran 42 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-42, Tahun 2026 yang turut diadakan secara serentak di ketiga-tiga daerah yang lain, pagi tadi.

Pelaksanaan majlis berkenaan sememangnya bertujuan untuk menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun HK NBD

Ke-42, Tahun 2026 dengan pengisian - pengisian yang bermanfaat terutama pembacaan Al-Quran selaras dengan hasrat negara untuk menjadikan NBD sebagai sebuah Negara Zikir.

Sehubungan dengan itu, hadir selaku tetamu kehormat majlis pada majlis berkenaan, Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin, yang sekali gus memimpin bacaan Surah Al-Fatihah bagi memulakan majlis.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad



PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei hadir selaku tetamu kehormat majlis sekali gus memimpin bacaan Surah Al-Fatihah bagi memulakan majlis. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Ukong dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong (atas). Manakala gambar kiri, antara para pelajar yang hadir mengikuti majlis khatam Al-Quran berkenaan.

Danial @ Tekpin bin Ya'akub, juga Penghulu Mukim Ukong, Daerah Tutong dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Sejurus bacaan Surah Al-Fatihah, majlis diikuti dengan bacaan khatam Al-Quran bermula daripada Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad yang dikepalai oleh Awang Muhd. Syahmi bin Muhd Norawi, penuntut Ma'had Islam Brunei dan diteruskan dengan bacaan Takhtim Al-Quran yang diketuai oleh Dayang Nur Damia Faqihah binti Mohd. Aji, penuntut Sekolah Menengah Sufri Bolkiah.

Manakala Doa Khatam pula dibacakan oleh Awang Haji Junadi

bin Haji Sabtu, iaitu ahli Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Tutong dan seterusnya Dikir Marhaban diketuai oleh kumpulan dikir dari Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong (MHBPT).

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan NBD oleh Imam Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampung Sengkarai, Awang Abd. Raqib bin Haji Awang.

Majlis Khatam Al-Quran 42 Kali berkenaan melibatkan lebih 1,400 peserta di keempat-empat daerah yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi institusi pengajian tinggi, penuntut-penuntut Institusi Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), penuntut-penuntut maktab

dan sekolah menengah, sekolah Arab, ahli-ahli persatuan belia dan sukan serta pergerakan-pergerakan belia, pelatih Pusat Pembangunan Belia (PPB), sukarelawan-sukarelawan, belia - belia masjid, ahli-ahli Pertubuhan WARGAMAS dan PKWE serta qari dan qariah.

Dengan adanya majlis seumpama berkenaan, ia juga secara tidak langsung akan dapat mempertingkatkan dan mengukuhkan lagi persefahaman serta kerjasama di antara agensi-agensinya yang terlibat dalam pembangunan dan tarbiah belia serta masyarakat ke arah menggalakkan penglibatan belia dalam masyarakat dalam aktiviti keagamaan.



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Khatam Al-Quran 42 Kali bagi Daerah Temburong (atas). Sementara gambar kanan dan bawah kanan, suasana sekitar majlis tersebut.

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi

TEMBURONG, Selasa, 10 Mac. - Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-42, Tahun 2026, satu acara sampingan, iaitu Majlis Khatam Al-Quran 42 Kali telah diadakan secara serentak di keempat-empat daerah pada hari ini.

Di Daerah Temburong, tumpuan majlis adalah di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rataie.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemerintah Angkatan

Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan Khatam Al-Quran mulai daripada Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad yang diketuai oleh ahli belia Masjid RPN Kampung Rataie.

Acara diteruskan lagi dengan

bacaan Takhtim Al-Quran dikepalai oleh Bilal Masjid RPN Kampung Rataie, Awang Mohamad Zulkhairi bin Mohamad Azamy, diikuti dengan bacaan Doa Khatam oleh Pegawai Pelajaran, Jabatan Pengajian Islam, Awang Haji Md. Asri bin Haji Timbang.

Selesai bacaan doa, acara diserikan lagi dengan Dikir Marhaban yang dibawakan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid RPN Kampung Rataie.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan NBD daripada Imam Masjid RPN Kampung Rataie, Awang Mahdini bin Khamis.

Daerah Temburong



LEBIH 200 ANAK YATIM TERIMA SUMBANGAN DERMA



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat majlis. Turut hadir, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara.

■ Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BERAKAS, Isnin, 9 Mac. - Lebih 200 anak yatim telah menerima sumbangan derma yang dianjurkan oleh Jabatan Daerah Brunei dan Muara pada Majlis Penyampaian Derma kepada Anak-anak Yatim, Bertahlil dan Berbuka Puasa 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, dan isteri.

Majlis dimulakan dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah yang

dipimpin oleh Ketua Kampung Kiarong, Awang Mohammad Shahir bin Samsudin.

Seterusnya penyampaian sumbangan derma yang disampaikan oleh tetamu kehormat serta wakil dari syarikat-syarikat swasta dan persendirian iaitu Chong Ain Hong, Firoz Khan Namroz Khan, Heng Teng Chai, Thomas Koh dan Heng Ah Hing.

Turut hadir ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim, dan isteri.

Majlis diteruskan dengan sesi bergambar ramai dan berbuka puasa.

Majlis Khatam, derma anak yatim Kampung Jangsak



TUAN Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian derma kepada para penerima pada majlis berkenaan (atas dan bawah).



■ Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

KAMPUNG JANGSAK, Isnin, 9 Mac. - Bersempena bulan suci Ramadan, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanah Bolkihah Kampung Jangsak, petang tadi telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran, Derma Anak Yatim dan Bersungkai yang mengambil tempat di masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Datuk Mohd Aini bin Atan yang seterusnya turut berkesudian menyempurnakan majlis

penyampaian derma kepada para penerima anak yatim yang diraikan pada majlis berkenaan.

Turut hadir, Pengerusi Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Sultan Haji Hassanah Bolkihah Kampung Jangsak, Awang Haji Kamaluddin bin Haji Abd. Rahim berserta para Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid berkenaan.

Setelah sempurnanya Majlis Khatam Al-Quran, majlis turut diisikan dengan bacaan Tahlil Arwah beramai-ramai sebelum diakhiri dengan berbuka puasa yang turut disertai oleh seramai 21

orang anak-anak yatim yang diraikan berserta para peserta khatam pada majlis berkenaan.

Adapun tujuan diadakan majlis berkenaan adalah bagi menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai budaya amalan harian selain di bulan Ramadan di samping untuk memperbaiki mutu bacaan pembaca Tadarus Al-Quran di sepanjang bulan Ramadan serta mengeratkan hubungan silaturahim anak-anak yatim Kampung Jangsak bersama masyarakat setempat serta menjalinkan ikatan kemesraan dan menghormati sama ada dalam kalangan dewasa mahupun kanak-kanak.

KHEU bertadarus di Masjid Utama Mohammad Salleh

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid

TEMBURONG, Isnin, 9 Mac. - Bulan Ramadan merupakan bulan yang penuh keberkatan, di mana umat Islam digalakkan untuk memperbanyakkan amal ibadah seperti membaca Al-Quran, merafakkan doa serta melakukan pelbagai amal kebajikan untuk meraih ganjaran pahala yang besar daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sehubungan itu, rombongan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) meneruskan Majlis Bertadarus Al-Quran pada petang tadi bertempat di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir; Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Pejabat Ugama Daerah Temburong, KHEU, Awang Harris Hamdilah bin Haji Masri; pegawai-pegawai kanan dan kakitangan di bawah KHEU serta para penduduk kampung di sekitarnya.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan Tadabbur Al-Quran yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abdul Mu'iz bin Haji Amat.

Majlis diteruskan dengan Tadarus Al-Quran, disusuli dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah dipimpin oleh Pegawai Masjid, Masjid Utama Mohammad Salleh, Awang Norezam bin Haji Zaini.

Kemudiannya, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Utama Mohammad Salleh, Awang Muhammad Syahmi bin Haji Zaini.

Kunjungan bertadarus Al-Quran oleh KHEU seterusnya adalah ke Masjid Hassanah Bolkihah, Mentiri pada 14 Mac 2026 dengan Majlis Khatam Al-Quran yang akan bermula pada pukul 5.00 petang.



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (atas).

PIBG SM SMJA BERBUKA PUASA BERSAMA ANAK-ANAK YATIM



■ Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

SALAMBIGAR, Selasa, 10 Mac. - Dalam suasana penuh keberkatan bulan Ramadan, Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (PIBG SM SMJA) lewat petang tadi menganjurkan Majlis Berbuka Puasa Anak-anak Yatim bersama Para Dermawan yang berlangsung di Arno Zoey Wonderland, MidValley Shopping Centre petang tadi.

Majlis tersebut diadakan sebagai salah satu inisiatif untuk menyemai nilai keprihatinan, kasih sayang serta semangat kebersamaan dalam kalangan warga sekolah dan masyarakat, di samping berkongsi rezeki dengan para pelajar yang diraikan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin

Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

Turut hadir, para dermawan yang bermurah hati, Datin Paduka Hajah Salmah binti Haji Hanafiah bersama Pengarah Arno Zoey Wonderland, Jessie Lim serta Country Manager, Ben Line Agencies (B) Sdn. Bhd., Therry Van Verden, pihak pentadbiran sekolah, ahli-ahli jawatankuasa PIBG, tenaga pengajar serta para pelajar.

Pada majlis tersebut, seramai 41 orang pelajar anak yatim dari sekolah berkenaan telah diraikan dalam majlis tersebut dan menerima sumbangan daripada para dermawan serta sumbangan daripada warga SM SMJA.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi PIBG SM SMJA, Awang Rosdin bin Haji Abdul Aziz, kemudian diteruskan dengan bacaan Tahlil yang diketuai



oleh Ahli Jawatankuasa Unit Kerohanian dan Keagamaan PIBG, Awang Haji Ahmad bin Haji Muhd. Hasan.

Seterusnya penyampaian sumbangan kepada para pelajar yang diraikan sebagai tanda sokongan dan keprihatinan terhadap kebajikan mereka.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan sesi bergambar ramai sebelum para hadirin bersama-sama berbuka puasa dalam suasana penuh kemesraan dan kesyukuran.

Penganjuran majlis ini mencerminkan komitmen PIBG SM SMJA bukan sahaja dalam menyokong kecemerlangan akademik pelajar, malah dalam membentuk sahsiah yang berakhlak mulia, prihatin serta menghargai nilai-nilai kemasyarakatan.

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan (atas kiri dan atas). Manakala gambar bawah, antara para pelajar yang diraikan yang hadir di majlis berbuka puasa tersebut.



Ramadan mendidik umat Islam menjaga hati, akhlak, tingkah laku



■ Sesi bergambar ramai bersama para hadirin dan tetamu kehormat iaitu Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI) pada forum berkenaan yang telah mengambil tempat di Dewan Persidangan, PDI.

PULAIE, Isnin, 9 Mac. - Dalam menyahut saranan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dalam usaha menangani isu penyalahgunaan teknologi khususnya media sosial melalui pendidikan keagamaan dan dakwah yang berterusan, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Penyebaran Dakwah (Ceramah) pagi tadi mengadakan Forum Khas Sempena Ramadan Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertemakan 'Ramadan Pada Era Digital: Puasa Hati, Jiwa dan Media Sosial' bertempat di Dewan Persidangan, pusat berkenaan, di sini.

Seramai 150 orang menyertai forum berkenaan yang terdiri

daripada wakil Pejabat Jabatan Perdana Menteri; Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi; Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan; Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan; Jabatan Hal Ehwal Ugama; Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan; Kementerian Pertahanan; Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; serta Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Turut hadir ialah pegawai dan kakitangan PDI serta para belia di bawah naungan Urus Setia Program Keagamaan Belia,

KHEU.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, yang kemudian diteruskan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran berserta terjemahannya.

Selepas itu, Forum Khas Sempena Ramadan dimulakan dengan ahli panelnya terdiri dari Pegawai Ugama, PDI, Awang Mohammad Nasyith bin Superi; dan Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, Dayang Nurhuwaina binti Mamud.

Manakala Awang Abdul Mujib bin Awang Sh'minan, mahasiswa dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali selaku moderator.

Pada forum tersebut, Awang Mohammad Nasyith antara lain menjelaskan bahawa Ramadan bukan sekadar menahan diri

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Da'wah Islamiah

daripada makan dan minum, tetapi juga mendidik umat Islam untuk menjaga hati, akhlak dan tingkah laku termasuk dalam penggunaan media sosial.

Beliau turut mengingatkan agar umat Islam menghindari penyebaran berita palsu, membuka aib dan mencetuskan pergaduhan dalam talian kerana perkara tersebut boleh mengurangkan pahala puasa.

Perkongsian amalan kebaikan melalui media sosial juga boleh memberi inspirasi kepada orang lain sekiranya dilakukan dengan niat yang ikhlas.

Sementara itu, Dayang Nurhuwaina menyentuh bahawa dalam era digital masa kini, teknologi dan media sosial telah menjadi sebahagian daripada kehidupan harian masyarakat.

Namun, dalam menghayati bulan Ramadan, penggunaannya perlu diurus secara bijaksana agar tidak menjejaskan tumpuan terhadap ibadah.

Islam tidak menolak kemajuan teknologi, bahkan menggalakkan pemanfaatannya bagi tujuan kebaikan seperti menyebarkan ilmu, mengikuti majlis ilmu secara dalam talian serta memperkukuhkan usaha dakwah.

Walau bagaimanapun terangnya, penggunaan media sosial secara berlebihan seperti fenomena *doomscrolling*, penyebaran maklumat tidak sahih dan kandungan yang melalaikan boleh menjejaskan penghayatan ibadah dan nilai ketakwaan.

Sehubungan itu, masyarakat disarankan mengamalkan pendekatan P.U.A.S.A, iaitu P (Prioritize Ibadah) - mengutamakan

ibadah; U (Unplug Strategically) - mengambil masa untuk menjauhkan diri daripada gajet; A (Authenticate Before Sharing) - memastikan kesahihan maklumat sebelum berkongsi; S (Set Screen Limits) - menghadkan masa penggunaan skrin; serta A (Appreciate Real Life) - menghargai kehidupan sebenar dengan memberi tumpuan kepada ibadah, keluarga dan hubungan sesama manusia agar teknologi dapat dimanfaatkan sebagai medium menyebarkan kebaikan.

Program turut diisikan dengan sesi kuiz yang dibukakan kepada semua peserta.

Seterusnya, penyampaian cenderahati kepada ahli-ahli panel disempurnakan oleh Pemangku Pengarah PDI, dan majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Forum Khas Sempena Ramadan Tahun 1447H/2026M ini diharapkan mencapai objektif dan matlamat yang dihasratkan, iaitu agar para peserta dapat memahami makna puasa secara menyeluruh yang merangkumi puasa fizikal, hati dan jiwa dalam menghadapi cabaran era digital.

Selain itu, untuk meningkatkan kesedaran tentang pengaruh media sosial terhadap kualiti ibadah, keikhlasan serta penjagaan akhlak sepanjang bulan Ramadan.

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk membimbing penggunaan media sosial secara beretika dan berlandaskan nilai-nilai Islam sebagai sebahagian daripada amalan puasa dan pembentukan jiwa bertakwa.

Pembayaran Zakat Fitrah Secara Dalam Talian (Online)

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

ZAKAT fitrah diwajibkan ke atas orang Islam yang memiliki lebihan belanja daripada keperluan dirinya dan orang-orang di bawah tanggungannya yang beragama Islam pada malam dan siang hari raya (1 Syawal). Adapun orang Islam yang tidak memiliki lebihan belanja untuk dirinya dan orang-orang di bawah tanggungannya pada malam dan siang hari raya, maka tidak wajib baginya mengeluarkan zakat fitrah dirinya dan orang-orang di bawah tanggungannya.

Orang-orang di bawah tanggungannya itu ialah orang yang wajib diberikannya nafkah sama ada disebabkan pemilikan, kerabat ataupun pernikahan. Hal ini sebagaimana yang disebut oleh asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj* :

Ertinya : Dan sesiapa yang wajib ke atasnya (mengeluarkan zakat) fitrahnya iaitu fitrah dirinya, wajib (juga) ke atasnya (mengeluarkan zakat) fitrah orang yang wajib ke atasnya nafkahnya dengan (sebab) pemilikan, kerabat atau perkahwinan, iaitu jika mereka itu orang-orang Islam.

Sebaliknya, tidak wajib mengeluarkan zakat fitrah orang yang tidak wajib ke atasnya menanggung nafkahnya. Syaikh Zakariyya al-Anshari *Rahimahullah* dalam kitabnya *Asna al-Mathalib* berkata :

Ertinya : Adapun sesiapa yang tidak wajib ke atasnya (menanggung) nafkahnya, maka tidak wajib ke atasnya (mengeluarkan zakat) fitrahnya.

Pada lazimnya, pembayaran zakat fitrah dilakukan secara bersemuka dengan amil-amil yang dilantik menggunakan wang tunai. Namun selari dengan perkembangan semasa, pembayaran zakat fitrah kini juga boleh dilakukan dalam talian melalui komputer, telefon pintar dan seumpamanya.

Pembayaran secara dalam talian dilakukan antaranya melalui pemindahan wang tanpa tunai (*cashless*) daripada akaun pembayar zakat ke akaun rasmi milik institusi zakat yang berautoriti atau melalui sistem perkhidmatan digital lain yang sah dan diiktiraf. Transaksi dianggap sempurna dengan persetujuan daripada pembayar zakat ketika menekan kekunci tertentu seperti kekunci 'setuju', 'ya', 'sahkan', 'bayar' dan seumpamanya. Persoalannya apakah cara sedemikian diharuskan dan apakah perkara-perkara yang perlu diberi perhatian agar ibadah zakat fitrah yang dilakukan sah di sisi syara'?

Transaksi secara dalam talian yang memenuhi kehendak transaksi yang dilakukan secara konvensional (bukan dalam talian) secara umumnya adalah diperakukan oleh para ulama masa kini, termasuk *Majma' al-Fiqh al-Islami*. Menurut ulama, pengeluaran zakat memerlukan perbuatan (tindakan membayar zakat) dan niat. Pembayaran zakat fitrah secara dalam

talian yang memenuhi tatacara yang ditetapkan oleh syara' adalah harus. Jika pembayaran tersebut memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh syara' dalam pembayaran zakat, maka zakat fitrah adalah sah.

Perkara-perkara penting untuk diambil perhatian mengenai pembayaran zakat fitrah dalam talian ini antaranya sebagaimana berikut :

1. Waktu menunaikan zakat fitrah
Zakat fitrah hendaklah ditunaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Orang yang mempunyai kewajiban mengeluarkan zakat fitrah harus menyegerakan mengeluarkannya iaitu dari permulaan bulan Ramadhan sehingga matahari terbenam pada Hari Raya Fitrah. Manakala melewati zakat fitrah setelah Hari Raya Fitrah hukumnya adalah haram dan berdosa. Dalam hal ini, orang yang belum membayar zakat fitrah tetap dituntut dan wajib baginya mengeluarkan zakat fitrah sebagai qadha'.

Dalam menunaikan zakat fitrah, orang yang mempunyai kewajiban mengeluarkannya diharuskan menyerahkannya sendiri terus kepada amil yang dilantik, atau melalui wakil yang dilantik yang akan menyerahkan zakat fitrah bagi pihaknya kepada amil dalam waktu yang ditetapkan. Dalam kedua-dua keadaan, kewajiban zakat fitrah dianggap telah sempurna tertunai dan gugur kewajiban tersebut daripada tanggungan pihak pembayar sebaik sahaja amil menerima zakat fitrah tersebut.

Adapun pembayaran azakat fitrah secara dalam talian melalui perwakilan (*wakalah*), maka kesahan zakat fitrah juga terikat dengan pembayaran dalam waktu yang telah ditetapkan. Dalam *wakalah*, wakil memegang amanah bagi pihak orang yang mewakilkannya (*muwakkil*) pada perkara yang diwakilkan kepadanya. Malah setiap tindakan wakil dianggap sebagai tindakan *muwakkil* itu sendiri. Oleh yang demikian, jika wakil cuai atau khianat dalam pembayaran zakat fitrah seperti tidak menyerahkannya atau melewatkannya sehingga luput waktunya, maka kewajiban zakat yang difardhukan ke atas pembayar zakat masih belum terlaksana. Dalam hal ini, zakat tetap menjadi tanggungan pembayar zakat dan masih belum terlepas daripada kewajiban melaksanakannya.

2. Niat menunaikan zakat fitrah.

Zakat fitrah antara ibadah yang mensyaratkan niat. Letak niat adalah di dalam hati namun adalah sunat melafazkannya kerana dapat membantu apa yang diniatkan dalam hati. Contoh niat ketika menunaikan zakat itu adalah seperti "Ini zakat fitrah ku" atau "Ini zakat fitrahku dan orang-orang di bawah tanggunganku" atau "Ini zakat fitrah isteriku" atau "Ini zakat fitrah anakku".

Niat zakat itu harus dilakukan semasa mengasingkan harta untuk dijadikan zakat atau selepas mengasingkannya, atau ketika menyerahkan zakat tersebut kepada wakil atau amil. Niat zakat juga sah dilakukan setelah menyerahkan zakat kepada wakil atau amil namun sebelum pengagihannya

kepada para penerima zakat.

Adapun pembayaran zakat fitrah yang dilakukan secara dalam talian, maka memadai dan sah niat zakat fitrah dilakukan semasa pembayaran dibuat, iaitu ketika menekan kekunci 'setuju', 'ya', 'sahkan', 'bayar' dan seumpamanya. Malah juga memadai dan sah niat zakat fitrah jika dilakukan lebih awal lagi sebelum pembayaran disempurnakan iaitu ketika menentukan kadar bayaran zakat fitrah tersebut daripada hartanya.

Demikian juga, pembayaran zakat fitrah yang dilakukan secara dalam talian melalui wakil. Memadai niat dilakukan oleh pembayar zakat ketika menyerahkan zakat fitrah tersebut kepada wakilnya walaupun wakil berkenaan tidak berniat ketika menyerahkan zakat fitrah kepada amil.

3. Keizinan daripada orang yang dibayarkan zakat fitrahnya.

Jika seseorang membayarkan zakat fitrah orang yang tidak wajib ditanggung nafkahnya seperti anaknya yang dewasa lagi *rasyid* serta mempunyai harta atau berupaya mencari pendapatan sendiri, atau membayar zakat fitrah bapanya yang kaya, atau membayar zakat fitrah untuk orang lain seperti pekerja atau pembantu rumah yang dibayar gaji, maka dia hendaklah mendapatkan izin mereka terlebih dahulu kerana pada asalnya kewajiban menunaikan zakat fitrah adalah atas diri mereka sendiri dan daripada harta mereka sendiri dan dia (pembayar zakat) tidak menanggung nafkah mereka. Jika ditunaikan zakat fitrah tanpa mendapatkan izin mereka, hukumnya adalah tidak sah, malah tidak gugur kewajiban zakat fitrah itu atas diri mereka.


Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *al-Majmu'* menyatakan :

Ertinya : Sahabat-sahabat kami (para ulama asy-Syafi'i) berkata : Jika seseorang mengeluarkan (zakat) fitrah untuk seorang *ajnabi* (orang lain) tanpa izinnya, (maka zakat fitrah itu) tidak memadai (tidak sah) tanpa ada khilaf kerana (zakat) fitrah adalah ibadah. Oleh itu, tidak gugur (kewajiban) daripada mukalaf itu (orang yang diwajibkan) dengannya (zakat fitrah) (apabila dilakukan) tanpa izinnya. Dan jika dia mengizinkan lalu (zakat fitrah) dikeluarkan (untuknya), (maka pembayaran zakat fitrah itu adalah) memadai (sah).

Adapun jika seseorang membayar zakat fitrah orang yang wajib ditanggungnya nafkahnya, maka tidak diperlukan izin daripada mereka untuk membayar zakat fitrah mereka. Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* lagi dalam kitabnya *al-Majmu'* :

Ertinya : Apabila seseorang wajib menanggung nafkah kerabat, isteri atau hamba, lalu dia menunaikannya (zakat fitrah), (maka) dia tidak memerlukan izin daripada orang yang ditunaikan baginya zakat fitrahnya itu, tanpa ada khilaf.

Sebagai contoh, anak dewasa yang tidak berakal, anak dewasa yang tidak *rasyid* iaitu yang tidak mampu mengurus harta dan urusan agamanya dengan baik, atau anak dewasa yang tidak berupaya mencari pendapatan sendiri dan kesemua mereka ini



IRSYAD HUKUM
جائز في كل حين
جائز في كل وقت
Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam
Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

tidak mempunyai harta, maka kewajiban mengeluarkan zakat fitrah mereka ditanggung oleh bapa kerana nafkah mereka masih wajib menjadi tanggungjawab bapa. Oleh itu, bapa tidak perlu mendapatkan izin mereka terlebih dahulu untuk membayar zakat fitrah mereka.

Demikian juga, ibu atau bapa yang mengalami penyakit lupa atau hilang ingatan dan nafkah kedua-duanya ditanggung oleh anak, maka disamakan hukumnya seperti anak dewasa yang tidak berakal. Oleh itu, anak yang menanggung nafkah kedua-duanya tidak perlu mendapatkan izin untuk mengeluarkan zakat fitrah mereka.

4. Pembayaran zakat fitrah mengikut negeri dia berada.

Seseorang yang membayar zakat fitrah bagi dirinya sendiri, atau bagi orang-orang yang wajib ditanggung nafkah mereka, atau untuk orang lain setelah mendapat izin daripadanya terlebih dahulu, hendaklah membayar zakat fitrah di negeri mereka berada, dengan mengambil kira makanan asasi (*qut al-balad*) di negeri zakat fitrah itu dibayar.

Oleh itu, dalam pembayaran zakat fitrah secara dalam talian, pembayar zakat hendaklah memastikan bahawa bayaran zakat fitrah dibuat di negeri orang yang dibayarkan zakat fitrah untuknya berada. Sebagai contoh, seseorang yang berada di luar negeri hendak membayar zakat fitrah isteri dan anak-anaknya yang berada di negeri lain. Dalam hal ini, zakat fitrah isteri dan anak-anaknya hendaklah dibayar di negeri mereka berada, bukan membayar zakat fitrah di negeri seseorang itu berada.

Pembayaran zakat fitrah secara dalam talian adalah harus dan sah apabila syarat-syarat yang ditetapkan oleh syara' dipenuhi. Untuk memastikan kesahan zakat fitrah, antara perkara yang perlu diberi perhatian ialah pembayaran zakat fitrah hendaklah dibuat dalam waktu yang ditetapkan, berniat zakat, mendapat izin terlebih dahulu daripada orang yang tidak wajib ditanggung nafkahnya dan zakat fitrah hendaklah dibayar di negeri di mana orang itu berada.

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAAN ALLAH

كلولان قوسة دعوه اسلاميه

ALHAMDULILLAH kita masih ada kesempatan untuk menggandakan usaha memperbaiki setiap amal ibadah agar ia benar-benar membuahkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala di akhir-akhir bulan Ramadhan ini. Kita perlu sentiasa bersyukur kerana masih lagi diberi peluang untuk mengabdikan diri kepada Allah, lebih-lebih lagi dengan keberadaan kita di hujung Ramadhan membolehkan kita memburu kelebihan yang dijanjikan dengan malam Lailatulqadar iaitu malam yang lebih baik dari seribu bulan.

Firman Allah dalam Surah Al-Qadr, ayat 1-5 yang maffumnya : "Sesungguhnya Kami telah menurunkan Al-Quran itu pada malam Lailatulqadar. Dan tahukah engkau apakah malam Lailatulqadar itu? Malam Lailatulqadar itu lebih baik daripada seribu

bulan. Pada malam itu turun malaikat-malaikat dan Malaikat Jibril dengan izin Tuhan mereka untuk mengutar segala urusan. Malam itu (penuh) kesejahteraan hingga terbit fajar".

Al-Quran mula-mula diturunkan pada malam yang penuh kemuliaan dan kebesaran di bulan Ramadhan iaitu malam Lailatulqadar. Pada malam tersebut malaikat-malaikat dan Jibril turun membawa keberkatan dan kelebihan untuk hamba yang beramal salih. Malam tersebut penuh dengan keselamatan dan kesejahteraan sehingga terbit fajar. Oleh sebab kelebihan yang terdapat pada bulan Ramadhan dan malam tersebut, umat Islam adalah digalakkan untuk memperbanyakkan ibadah dan amal kebajikan sepanjang bulan tersebut terutama pada sepuluh malam terakhir. Firman Allah dalam Surah Ad-Dukhaan, ayat 3 yang maffumnya : "Sesungguhnya Kami telah menurunkan Al-Quran itu pada malam yang berkat. Sesungguhnya Kami ialah Pemberi

Peringatan".

Allah Subhanahu Wata'ala sengaja merahsiakan tarikh sebenar berlakunya Lailatulqadar supaya ia menjadi pendorong kepada orang ramai untuk berusaha mencarinya dan melakukannya pada setiap masa begitu juga seperti Allah merahsiakan waktu mustajabnya berdoa pada hari Jumaat. Ini bertujuan supaya kita sentiasa ingat untuk berdoa, beristighfar dan bermunajat memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menunjukkan betapa berkatnya malam Lailatulqadar itu dan tidak wajar dibiarkan berlalu begitu sahaja. Daripada 'Aisyah Radhiallahuanhu, beliau menceritakan : "Adapun Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam apabila tiba sepuluh hari terakhir bulan Ramadhan, Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam membangunkan ahli rumahnya, mengikat kainnya (menjauhi isteri-isterinya) serta

menghidupkan malam tersebut". (Hadis sahih riwayat Imam Ibnu Hibban).

Umat Islam juga disunatkan untuk melakukan qiamullail, memperbanyakkan berdoa, beristighfar, dan bersedekah. Hal tersebut telah disebutkan dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, beliau berkata Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya : "Barang siapa mendirikan malam pada malam Lailatulqadar dengan penuh keimanan dan mengharapkan pahala, maka akan diberikan keampunan atas dosanya yang telah lalu". (Hadis riwayat Imam Al-Bukhari).

Oleh itu, seluruh umat Islam agar dapat menggandakan usaha dan amal ibadah pada sepuluh hari terakhir Ramadhan untuk mengejar jaminan pembebasan dari api neraka sebagaimana yang dinyatakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Maka sama-samalah kita merebut keistimewaan dan kelebihan yang dijanjikan pada malam Lailatulqadar kerana peluang ini hanya berada pada bulan Ramadhan dan tidak terdapat pada bulan-bulan lain.

Mencari Lailatulqadar

MPK Sengkurong 'B' anjur Majlis Khatam Al-Quran



JERUDONG, Isnin, 9 Mac. - Seramai 26 orang anak-anak yatim, sembilan orang asnaf dan tiga Ahli Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sengkurong 'B' menerima sumbangan dalam bentuk wang ringgit dan barangan makanan pada Majlis Khatam Al-Quran Biro Wanita MPK Sengkurong 'B' dan Penyampaian Derma berlangsung di The Golden Village Café & Bakery, Jeruton Hotel, Jerudong, di sini.

Majlis tersebut dikelolakan oleh

PEMANGKU Ketua Kampung Sengkurong 'B' selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung Sengkurong 'B' hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penyampaian derma tersebut.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Ahli Biro Wanita MPK Sengkurong 'B'. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan dan seterusnya menyampaikan derma kepada anak-anak yatim ialah Pemangku Ketua Kampung Sengkurong 'B', Awang Abdul Razak bin Haji Ismail selaku Pengerusi MPK Sengkurong 'B'.

Sumbangan pada hari ini juga diperoleh daripada hasil kutipan derma daripada Ahli-ahli Biro Wanita MPK berkenaan dan keluarga masing-masing dan Pengarah Urusan Arzawanina Sdn. Bhd., Awang Haji Jabar Sadiq. Majlis diteruskan dengan bacaan Tahليل dan Doa Arwah yang dipimpin

oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Kamaruzaman bin Haji Jakar.

Seramai 51 orang Ahli-ahli Biro Wanita MPK Sengkurong 'B' turut sama menyemarakkan bulan Ramadan dengan bertadarus pada tahun ini. Tadarus dijalankan di Balai Ibadat Baitul Mal, Kampung Selayun Sengkurong dan di rumah-rumah ahli.

Turut hadir, Pengerusi Biro Wanita MPK Sengkurong 'B', Dayang Hajah Rukiah binti Haji Mohammad Yassin, Dayang Hajah Azizah binti Haji Mirasan, Timbalan Pengerusi Biro Wanita MPK Sengkurong 'B', anak-anak yatim, para asnaf dan para sponsor.

Kurnia peribadi bantu ringankan bebanan mereka yang memerlukan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Alishahrin Haji Mumin



negara ini.

Pengurniaan yang bermula pada 9 Mac lalu berkenaan jelas memperlihatkan keprihatinan berterusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam memedulikan hal ehwal golongan-golongan tertentu di negara ini agar mereka tidak tersisih daripada mendapat perhatian baginda dalam suasana negara tidak lama lagi akan menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Dalam temu bual Pelita Brunei pada hari kedua penyampaian kurnia peribadi Kebawah DYMM kepada golongan-golongan tertentu sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1447H / 2026M di Dewan Pusat Insani, Seria, para penerima menzahirkan junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah DYMM atas pengurniaan yang diberikan dan mendoakan semoga baginda dilanjutkan usia serta kerabat diraja yang lain akan sentiasa diberikan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Bagi penerima golongan Orang



DAYANG Siti Zarinah binti Abdullah semasa ditemu bual.

SERIA, Selasa, 10 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun ini sekali lagi berkenaan mengurniakan kurnia peribadi baginda di seluruh negara kepada golongan-golongan tertentu terdiri daripada Orang-orang Berkeperluan Khas, anak-anak yatim, fakir miskin, dan penerima bantuan kebajikan bulanan (BKB) sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada hari kedua ini bertujuan untuk membantu meringankan bebanan golongan-golongan tertentu di

Berkeperluan Khas (OBK), Awang Mohd. Ramzy Hizami bin Haji Jassrie, 26 tahun, berasa gembira dan terharu atas pengurniaan peribadi Kebawah DYMM berkenaan.

Manakala, Awang Muhammad Firdaus Syazwi bin Muhammad Zulfadli, 12 tahun, dari Kampung Pandan pula turut menzahirkan rasa syukur atas kurnia peribadi berkenaan dan akan membelanjakan kurnia berkenaan untuk kegunaan yang penting sahaja.

Sementara, Dayang Salbiah binti Suie, yang mewakili anaknya, Awang Mohammad Jasharin bin Mohammad Jamain pula menjelaskan bahawa kurnia

peribadi berkenaan akan digunakan untuk menampung perbelanjaan harian dan sambutan Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang nanti.

Tambahnya lagi, pengurniaan kurnia berkenaan setentunya dapat meringankan beban, terutama mereka yang memerlukan bantuan.

Manakala Dayang Siti Zarinah binti Abdullah dari Kampung Agis-Agis Lumut meluahkan rasa sangat gembira menerima kurnia peribadi Kebawah DYMM. Beliau merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran atas kemurahan hati baginda dalam memedulikan mereka yang tersenarai di bawah golongan BKB.



DAYANG Salbiah binti Suie ketika ditemu bual.

Naik taraf Sistem Aluan lancar agihan Kurnia Peribadi Kebawah DYMM

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Mac. - Sistem Aluan yang digunakan sejak 2024 bagi pengurusan digital dan pendaftaran serta pengagihan Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, menampakkan keberkesanan dalam pengurusan yang lebih teratur dan sistematis.

Dikendalikan oleh Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia, sistem ini adalah untuk memberikan kemudahan dan keselesaan kepada penerima dengan pengurangan masa menunggu dan pengagihan kurnia dengan lebih efektif.

Dengan peningkatan jumlah penerima bagi tahun 2026 ini, Sistem Aluan telah dinaik taraf untuk memastikan kebolehan untuk menampung peningkatan pendaftaran dan pengagihan bagi penerima dengan memperkenalkan Pas Badan RFID yang mana nama-nama penerima telah didaftarkan ke dalam kad berkenaan untuk mempercepatkan lagi proses pendaftaran serta pengagihannya.

Demikian dijelaskan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Awang Md. Arif Firdaus Al-Zakirin bin Dato Paduka Haji Awang Othman, selaku Ketua Urus Setia Sistem Aluan semasa ditemui pada

Majlis Pengagihan Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada Golongan-golongan Tertentu Khusus bagi Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam yang Beragama Islam sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Istana Nurul Iman.

Pada tahun ini, tambahannya, sebanyak 20 meja dibukakan untuk pendaftaran bagi 2,000 penerima Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman.

"Alhamdulillah tahun ini, proses pendaftaran adalah lebih cepat. Pejabat Kebawah DYMM akan sentiasa memantau situasi dan meningkatkan lagi mutu perkhidmatan demi keselesaan para penerima," ujar beliau.

Menurutnya lagi, Sistem Aluan telah digunakan oleh agensi-agensi berkenaan dalam pengemaskinian dan pengesahan data penerima dan telah memberikan impak kepada ketelusan data dari tahun ke tahun.

Beliau turut mengongsikan, pengurniaan Kurnia Peribadi Kebawah DYMM oleh paduka-paduka anakanda baginda di keempat-empat

daerah pada hari ini menandakan bermulanya pengagihan kurnia-kurnia peribadi baginda dan diikuti kemudiannya dengan pengurniaan di pusat-pusat pengagihan yang telah ditetapkan.

Pengurniaan di pusat-pusat pengagihan akan diteruskan pada 10 hingga 11 Mac 2026 di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanah Bolkiah, Berakas dan Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam bagi Daerah Brunei dan Muara.

Sementara itu bagi Daerah Belait di Dewan Pusat Insani Seria dan Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong bagi Daerah Tutong diteruskan pada 10 Mac 2026.



AWANG Md. Arif Firdaus Al-Zakirin bin Dato Paduka Haji Awang Othman, selaku Ketua Urus Setia Sistem Aluan semasa ditemu bual.



AWANG Mohd. Ramzy Hizami bin Haji Jassrie (atas sekali). Manakala gambar atas, Awang Muhammad Firdaus Syazwi bin Muhammad Zulfadli dan ibunya Dayang Siti Noor Azizah binti Haji Mohamad.

JUNJUNG KASIH ATAS KURNIA PERIBADI KEBAWAH DYMM



SUASANA di dalam Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam, di mana para penerima menunggu giliran ke kaunter-kaunter penukaran kupon kepada wang tunai yang dikendalikan oleh Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam membawa erti yang amat besar kepada rakyat dan penduduk, khususnya mereka yang memerlukan, dalam membuat persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang tidak lama lagi.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada Golongan-golongan Tertentu Khusus bagi Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam yang Beragama Islam sempena Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi bagi Daerah Brunei dan Muara diteruskan lagi bagi hari kedua dengan penyertaan seramai

6,000 orang penerima.

Dua lokasi yang terlibat dalam majlis tersebut ialah Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas dan Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam.

Kerjasama padu daripada pihak-pihak yang terlibat melancarkan proses pengagihan kurnia peribadi baginda ini, di mana petugas-petugas yang diamanahkan membantu para penerima daripada proses awal ketibaan sehingga selesai.

Bagi memudahkan pengangkutan penerima ke lokasi, bas-bas pengangkutan disediakan seawal pukul 7.00 pagi hingga 4.00 petang.

Para penerima diberikan pas pengenalan mengikut kategori masing-masing dan kemudiannya dibawa ke kaunter-kaunter penukaran kupon kepada wang tunai yang dikendalikan oleh Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan.

Semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei, Awang Mohd. Firdaus bin Haji Zamil Khan, meluahkan rasa syukur dan kegembiraannya setelah menerima Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Beliau yang kini menetap di Kampung Tanjong Nangka, tergolong dalam kalangan anak-anak yatim yang menerima sumbangan.

"Alhamdulillah, saya merasa

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad

sangat gembira menerima kurnia daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran atas kemurahan hati baginda," tambah beliau lagi.

Turut berkongsi rasa syukur, Dayang Siti Ramlah binti Ali dari Kampung Katok 'B', tambahannya, kurnia peribadi berkenaan sangat membantu dalam keperluan hariannya.

Beliau dan anaknya merupakan penerima kurnia peribadi di bawah golongan orang kelainan upaya.

"Kebawah Duli Yang Maha Mulia adalah seorang raja yang sangat penyayang, sentiasa mengambil berat dan tidak lupa kepada rakyat yang memerlukan bantuan.

"Saya merafakkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga

baginda sentiasa sihat walafiat dan kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam," ujarnya lagi.

Manakala, Awang Junaidi bin Ahad, yang menetap di Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba, adalah antara penerima yang berkesempatan menerima Kurnia Peribadi Kebawah DYMM di bawah golongan penerima warga emas.

Menurut beliau, ini merupakan kali keempat beliau menerima kurnia tersebut.

Beliau seterusnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah DYMM dan seterusnya berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar Kebawah DYMM dipanjangkan umur dan sentiasa diberikan kesihatan yang berpanjangan.



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Penyampaian kurnia peribadi diteruskan di Daerah Tutong



PENOLONG Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad dan Dayang Tipah binti Haji Liman ketika ditemu bual.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Mohd. Zul Izzzi Haji Duraman

TUTONG, Selasa, 10 Mac. - Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada Golongan - golongan Tertentu Khusus bagi Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam yang Beragama Islam sempena Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi bagi Daerah

Tutong diteruskan lagi pada hari ini bertempat di Dewan Kemasyarakatan Tutong.

Menurut Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad, semasa ditemu bual, jika dibandingkan antara hari pertama dan hari kedua, hari pertama adalah lebih sibuk memandangkan kelmarin memang ramai penerima yang hadir iaitu seramai 1,000 penerima.

Bagi hari ini katanya, jumlahnya dijangka lebih ramai, di mana setakat pemeriksaan awal sebelah pagi, jumlah yang telah hadir adalah sekitar 931 orang, dan pada jam-jam seterusnya hingga ke petang dijangkakan 300 hingga 400 orang lagi akan hadir.

Ini bermakna jumlah keseluruhan hari ini mungkin mencecah sekitar 1,500 orang.

"Kelmarin, kami bertugas sehingga pukul 2.00 petang. Manakala hari ini merupakan hari terakhir, jadi kami berharap dapat selesai lebih awal. Namun begitu,

kami masih bersedia untuk menunggu sehingga pukul 4.00 petang," jelasnya.

Awangku Arif Anuar seterusnya menjelaskan bahawa pada hari pertama, para penerima datang lebih awal, malah ada yang sudah hadir seawal waktu Subuh.

Bagi hari kedua tambahannya lagi, keadaan lebih terkawal dan para petugas sudah dapat mengawal pergerakan orang ramai dengan lebih baik berbanding hari sebelumnya.

Sementara itu, beberapa orang penerima juga sempat ditemu bual bagi mengongsikan perasaan mereka setelah menerima Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dayang Tipah binti Haji Liman dari Kampung Sinaut melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas kurnia peribadi tersebut kerana ia memberi makna yang begitu berharga dalam membuat persiapan bagi menyambut kedatangan Syawal yang hanya tinggal beberapa hari sahaja lagi.

Menurutnya, pemberian kurnia peribadi itu juga dapat membantu menampung perbelanjaan seharian selain dijadikan simpanan untuk keperluan lain.

Bagi Dayang Rosanah binti Pandi, beliau turut melahirkan rasa syukur atas kurnia peribadi tersebut kerana sedikit sebanyak dapat menambah perbelanjaan pada bulan Ramadan yang mulia ini serta bagi persiapan menyambut Syawal yang bakal menjelang.

Beliau yang menetap di

Kampung Bukit Udal seterusnya berkata bahawa kurnia peribadi tersebut akan dibelanjakan untuk perkara-perkara yang penting sahaja, manakala selebihnya akan disimpan untuk kegunaan pada masa akan datang.

Sementara itu, menantunya, Dayang Siti Niramalinawaty binti Haji Awang Ibrahim, turut melahirkan rasa syukur yang tidak terhingga atas Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang diterima buat kali kedua.

"Dengan adanya kurnia peribadi ini dapatlah mengurangkan bebanan perbelanjaan bagi membeli keperluan sempena Hari Raya Aidilfitri nanti serta untuk kegunaan harian bersama keluarga," jelasnya.

Mereka seterusnya melahirkan rasa syukur kerana mempunyai seorang raja yang sangat prihatin dan bermurah hati dalam membantu rakyat serta penduduknya.

Sementara itu, dua adik-beradik kembar, Awang Mohd. Irfan Adrian Hamizan bin Mohd. Farhan dan Awang Mohd. Arfan Adrian Hamizan bin Mohd. Farhan dari Kampung Bukit Beruang masing-masing melahirkan rasa gembira dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah DYMM atas kurnia peribadi baginda yang dapat mereka gunakan bagi memenuhi keperluan serta menambah duit tabungan.

Menurut mereka, kurnia tersebut akan digunakan dengan sebaik-baiknya terutama untuk membeli barangan keperluan tertentu seperti barangan sekolah.



DUA adik-beradik kembar, Awang Mohd. Irfan Adrian Hamizan bin Mohd. Farhan dan Awang Mohd. Arfan Adrian Hamizan bin Mohd. Farhan (kiri). Sementara gambar kanan, Dayang Rosanah binti Pandi bersama menantunya, Dayang Siti Niramalinawaty binti Haji Awang Ibrahim.





JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam**

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 11 / 2026

Nama Projek:
Membaiki Dan Menurap Semula
Aspal Di Jalan Masuk Dan
Kawasan Kediaman Yang Teramat
Mulia Paduka Seri Pengiran Anak
Puteri Hajah Nor'ain Binti
Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali
Saifuddin Sa'adul Khairi
Waddien, Di Kampong Madewa
Jalan Tutong

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
-

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 12 / 2026

Nama Projek:
Membaiki Dan Menurap Semula
Lebuhraya Tungku Jerudong
(Di Antara Pusing Keliling Tungku
& Persimpangan Jerudong)
Hala Jerudong

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
-

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01 – Contractor with asphalt
plant only

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 13 / 2026

Nama Projek:
Membaiki Dan Menurap Semula
Lebuhraya – Lebuhraya Negara
Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
-

**Tarikh Mengambil Dokumen
Tawaran:**
4 Mac 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Tidak Lewat Dari Jam
2.00 Petang,
Selasa,
24 Mac 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Tidak Lewat Dari Jam
2.00 Petang,
Selasa,
31 Mac 2026



**Dibukakan Kepada Kontraktor
Yang Berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan Di
Dalam**

Kelas:
IV & V

Kategori :
E01 – E02 – E03 – E05
atau KPME05

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
17 Mac 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
31 Mac 2026
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DOD / 1 / 2026

Nama Projek:
Pembinaan Masjid Baharu
Rancangan Perumahan Negara
Kampong Lumut
– Mechanical, Electrical, Plumbing
And Sewerage Works

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam**

Kelas:
III dan IV sahaja

Kategori:
B01 & KA01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM003 / 2026

Bil. Projek
2026DBSBM / PDB.01

Nama Projek:
Kerja-kerja Membaikpulih
Kerosakan Di Bangunan Dewan
Serbaguna, Pusat Latihan Polis,
Kompleks Ibu Pejabat Polis
Gadong,
Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
24 Mac 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
17 April 2026
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
V

Kategori:
KA01 & M03

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
17 Mac 2026

Tarikh Tutup:
Selasa,
31 Mac 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 008 / 2026

Nama Projek:
Menaiktaraf Sistem Pam Saliran
Di Jalan Bunga Simpung (PS2),
Daerah Belait.

No. Projek:
2026ADKB / 2106 / 002-003-004

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-




**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Kenyataan Tawaran

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
(179) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Kontrak Perkhidmatan
Pengantaran Akhbar Pelita
Brunei Selama Satu (1) Tahun.

Yuran:
BND 5.00
(Tunai Dan Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Khamis,
19 Mac 2026,
Jam 8.00 Pagi




JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JPM / JKDN / UKDS / 25-26 -
SBH#19

Bagi Penyediaan, Perbekalan dan
Pengantaran Air Minuman
5-Galon, Mesin Penapis Air
(Panas & Sejuk), Dan Air
Minuman Botol 600ml Bagi
Tempoh Dua (2) Tahun Di Blok 17,
Simpang 32-15, Kampung
Anggerek Desa, Jalan Anggerek
Desa, Mukim Berakas A, BB3510,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
19 Mac 2026
Jam 12.00 Tengah Hari

Yuran Tawaran:
Percuma



Bilangan Dan Tajuk Tawaran:-
JPM / JKDN / UKDS / 25-26 -
SBH#18

Kontrak Bertempoh Dalam Masa
Dua (2) Tahun Bagi Perkhidmatan
Pengumpulan Sisa Domestik Unit
Keselamatan, Jabatan
Keselamatan Dalam Negeri
Di Blok 17, Simpang 32-15,
Kampung Anggerek Desa,
Jalan Anggerek Desa,
Mukim Berakas A, BB3510,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
19 Mac 2026
Jam 12.00 Tengah Hari

Yuran Tawaran:
Percuma




**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

Bilangan Sebut Harga:
02 / MFA-ICC-Q / 2026-27

Tajuk Sebut Harga:
Quotation For Rental Of LED
Screen Systems For The
ASEAN-EU Ministerial Meeting
2026 At The International
Convention Centre, Berakas

Bayaran Yuran Dokumen:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 18 Mac 2026
Jam 12.00 Tengah Hari




**JABATAN KASTAM DAN
EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
JKED / TAWARAN / UPA /
BHEK / Q / 2026-02
Perkhidmatan Pembersihan Bagi
Pejabat Marin Dan Pencegah
Muara, Jabatan Kastam Dan
Eksais Diraja, Kementerian
Kewangan Dan Ekonomi,
Negara Brunei Darussalam
Secara Berkontrak Bagi Tempoh
Satu (1) Tahun

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa,
31 Mac 2026
Jam 2.00 Petang





**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JKP / LTK / 2025-2026 / 16
Appointment Of A Training
Provider Or Institution For The
Delivery Of Basic Nature &
Wildlife Specialized Tourist
Guide Course

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
7 April 2026,
Jam 2.00 Petang



**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Sabtu,
14 Mac 2026

Tarikh Tutup:
Isnin,
16 Mac 2026
Jam 9.00 Pagi

**(Ditutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil, di Tingkat
Bawah Bangunan Kementerian
Pembangunan, Lapangan
Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam)**

**JASTRE / QTN124 / 2025
Request For Proposal For The
Consultancy Services To
Prepare Tender Document For
The Construction Of Recycling
Centre At Sungai Akar Transfer
Station Site.**

No. Projek:
JASTRE / QTN124 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND 9.00
(Non Refundable)



Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JKP / SH / 2025-2026 / 74
Penyediaan Perkhidmatan
Kebersihan Di Bangunan Terminal
Penumpang Muara Semasa
Ketibaan Kapal Pesiar

**Bayaran Yuran Dokumen
Tawaran:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Buka Tawaran:
Sabtu,
28 Februari 2026

**Tarikh
Tutup Tawaran:**
Khamis,
26 Mac 2026,
Jam 12.00 Tengah Hari



**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Pemberitahuan Sebut Harga
Jabatan Pertanian dan
Agrimakanan**

Sebut harga hendaklah
dimasukkan ke dalam
Peti Sebut harga dan dialamatkan
kepada Ibu Pejabat,
Jabatan Pertanian dan
Agrimakanan,
Jalan Muhibbah,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
BB3510

Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari
jam 2.00 petang
pada
Khamis,
26 Mac 2026.

Borang Sebut Harga:
BND7.00

1. JPt / SH / 115 / 2025 - 2026
Kerja-Kerja Menaiktaraf Jalan
Ladang Di Kawasan Kemajuan
Pertanian (KKP) Maraburong,
Daerah Tutong

2. JPt / SH / 116 / 2025 - 2026
Term Contract For
Air-Conditioning System
Maintenance And Other
Required Works At Zone 'B'
Brunei Muara District,
Jabatan Pertanian
Dan
Agrimakanan For
The Period Of
Twelve (12) Months



**JABATAN KEMAJUAN
PERUMAHAN
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penyelidikan Tanah
Bagi Cadangan Pembinaan Di
Perumahan Negara Kg. Lugu,
Fasa 2B, Negara Brunei
Darussalam.

Bilangan Projek:
JKP / 03 / 2026

Tender Information Pack boleh
dipohonkan dan didapati dengan
menghantar e-mel kepada
tender.jkp@hdd.gov.bn.

Tarikh Buka Tawaran:
Rabu
11 Mac 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
31 Mac 2026
Tidak Lewat
Jam 2.00 Petang

Tempat Tutup:
Lembaga Tawaran Kecil,
Tingkat Bawah,
Kementerian Pembangunan,
Jalan Lapangan Terbang Lama
Berakas,
Bandar Seri Begawan,
BB3510,
Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
[Yuran E-Dokumen & Lukisan]



**3. JPt / SH / 117 /
2025 - 2026**
Term Contract For
Air-Conditioning System
Maintenance And Other Required
Works At Zone 'C'
Brunei Muara District,
Jabatan Pertanian Dan
Agrimakanan For The Period Of
Twelve (12) Months



**4. JPt / SH / 102(A) /
2025 - 2026**
To Provide Training
For SHENA Radiation License



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

Iklan Tarikh Lanjutan

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
UBD / E8 / 005 / 2025 – (T)
Renovation Works For Sultan
Hassanal Bolkhiah Institute Of
Education Joint Centre,
Universiti Brunei Darussalam

Kelas:
II and above

Kategori:
B01, E01

**Bayaran Tawaran:
Bayaran Dokumen &
Pentadbiran
(termasuk e-Dokumen)**
BND35.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup
Tawaran Dilanjutkan:**
Selasa,
17 Mac 2026
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN
PELANCONGAN**

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
KSSUP / BIOS / JKSH / 03 /
2025-2026

Membekalkan Jamuan Bagi Ahli
Jawatankuasa Yang Bertugas
Bagi 38th Session Of The Food
And Agriculture Organisation
(FAO) Regional Conference For
Asia And Pacific Regional
Conference (APRC) 2026

**Tarikh Tutup Mengambil
Borang Sebut Harga:**
Khamis,
26 Mac 2026
Jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
26 Mac 2026
Jam 2.00 Petang

**Yuran Setiap Satu
Sebut Harga:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)



**Pengiklanan Jawatan Kosong
Peraturan 38(a)**

Jawatan:
Timbalan Pendaftar

Tangga Gaji:
UB.4
(BND5,400)

Kekosongan:
1 Jawatan

Jabatan:
Universiti Brunei Darussalam

Menghadapkan Permohonan

**Bagi Pemohon Yang
Berkhidmat Dengan Kerajaan
Sahaja**

Pemohon-pemohon hendaklah
melengkapkan permohonan
melalui pautan:
[https://tinyurl.com/
TimbanganPendaftarUBD26](https://tinyurl.com/TimbanganPendaftarUBD26)

Hendaklah memuat naik salinan
sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV)
yang terkini dan
dokumen-dokumen yang
berkaitan. Permohonan hendaklah
diisikan dengan lengkap tidak
lewat **25 Mac 2026**.



**KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / K02 /
2025 - 2026

Keterangan Tajuk Sebut Harga:
Membekal, Menghantar dan
Memasang Papan Tanda Bagi
Sekolah Ugama Arab Menengah
Perempuan Raja Isteri Pengiran
Anak Saleha Jabatan Pengajian
Islam, Kementerian Hal Ehwal
Ugama 1447H / 2026M

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
28 Ramadan 1447H /
18 Mac 2026M,
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang.

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)





KEMENTERIAN KESIHATAN

Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 05 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 06 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 07 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 08 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 09 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 30 / 2026 / HTD
Provision Of Outsourcing Of 15 Support Trainers For End User Training For Two (2) Years For Ministry Of Health – MOH / HTD / T33 / 2025

Yuran Tawaran:
BND 100.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 31 / 2026 / HTD
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Centrifuge For Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 32 / 2026 / UPP(TC)
Supply And Delivery Of Anterior Cruciate Ligament Reconstruction (ACL) System For Department Of Orthopaedic, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Rujukan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU / LB / TA / 1001
Pembelian Buggy Car Bagi Kegunaan Tentera Darat Diraja Brunei Untuk Pengangkutan VVIP

Yuran Tawaran:
BND 30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu

Selasa, 31 Mac 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
7 April 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 33 / 2026 / SSBH
Provision Of Maintenance Services For Pest And Snake Control Services For Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait For A Period Of One (1) Year

Kelayakan Pemborong / Pembekal:
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan / atau Kementerian Pembangunan

Kelas:
II

Kategori:
KPB05

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 34 / 2026 / SSBH
The Provision Of Laundry Services For Operating Theatre Suri Seri Begawan Hospital And Kuala Belait Dialysis Center (KBDC) For A Period Of One (1) Year

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 35 / 2026 / HTD
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Double Door Refrigerator For Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / GEN / 008
[JPPK / LTN / 19 / 2025]
Proposed Combined Construction Of The Warrant Officer's And Sergeant Mess Brunei Garrison Estate Development Plan, Jalan Satu Selatan, Seria, Negara Brunei Darussalam

Kelas:
V dan Ke Atas

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Lima Belas (15) Bulan

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada

Selasa, 17 Mac 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
31 Mac 2026
(Selasa)
2.00 Petang



Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 36 / 2026 / JPK (TC)
The Provision Of Cleaning Services And Grass Cutting Services For Muara Health Centre For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 37 / 2026 / ESTETRI PASH (TC)
Term Contract For Disposal Of Clinical Waste Including Collection, Transportation And Incinerate Services From Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Three (3) Years

Kelayakan Pemborong / Pembekal:
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan atau Kementerian Pembangunan

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 38 / 2026 / SSBH
To Supply And Install Signage Complete With Other Accessories

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / GSU / 002
[JPPK / LTN / 22 / 2025]
Proposed Upgrading, Supply And Install Addressable Fire Alarm System And Interconnection Of All Fire Alarm Panels In Gurkha Security Unit, Sungai Akar Camp

Kelas:
III dan Ke Atas

Kategori:
KPMEE05, E01 dan E02

Tempoh Penyiapan Kerja:
Lapan (08) Bulan

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada

Selasa, 17 Mac 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
31 Mac 2026
(Selasa)
2.00 petang



At Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait

Kelayakan Pemborong / Pembekal:
Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan

Kelas:
II dan III

Kategori:
KPB07

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 39 / 2026 / LAB (TC)
The Provision Of An Integrated Pest Control Management System Services For The Clinical Molecular Diagnostic Laboratory For Infectious Diseases (CMDLID) Building, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 40 / 2026 / LAB (TC)
The Supply / Recruitment Of Clinical Care Assistants (CCAs)

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / PEN / 003
[JPPK / LTN / 26 / 2025]
Proposed Design And Build On Renovation Of Existing Office Space To Research And Development Laboratory At Pejabat Gaji, Penanjong Garrison

Kelas:
III dan Ke Atas

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Enam (06) Bulan

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada

Selasa, 17 Mac 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
31 Mac 2026
(Selasa)
2.00 petang



For Blood Donation Centre And District Hospital Blood Banks, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 100.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 41 / 2026 / JPR (TC)
The Provision Of Laundry Services For Rimba Dialysis Centre And Kiarong Dialysis Centre, Department Of Renal Services For A Period Of Two (2) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup Tawaran:
31 Mac 2026,
Jam 2.00 Petang




**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
MOD Approved Lift Contractor

Kategori:
KPME02

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
17 Mac 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari
Jam 12.00 Tengah Hari

Tarikh Tutup:
31 Mac 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-LE / 06 / 2026

Nama Projek:
Pemeliharaan Lif dan Eskalator
'Sigma' Di Bangunan Dewan
Majlis Baharu, Negara Brunei
Darussalam Bagi Tempoh
Tiga (3) Tahun

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
MOD Approved Lift Contractor

Kategori:
KPME02

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
17 Mac 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari
Jam 12.00 Tengah Hari

Tarikh Tutup:
31 Mac 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-LE / 05 / 2026

Nama Projek:
Pemeliharaan Lif 'Mitsubishi' Di
Bangunan-Bangunan Kerajaan,
Negara Brunei Darussalam Bagi
Tempoh Tiga (3) Tahun

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
V

Kategori:
M01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
17 Mac 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 12.00
Tengah Hari

Tarikh Tutup:
31 Mac 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 04 /
2026

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Operasi dan
Kerja-Kerja Pemeliharaan Sistem
Hawa Dingin Di Darul 'Afiyah
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
17 Mac 2026
(Selasa)

Tarikh Tutup:
31 Mac 2026
(Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DBSKB / 012 / 2026

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi
Perkhidmatan Membaca Meter
Air Untuk Mukim Seria, Liang,
Bukit Sawat Labi dan Kawasan
Pedalaman Bagi Tempoh
24 Bulan.

No. Projek:
2026ADKB/2109-002-001

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
III Sahaja

Kategori:
M01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
17 Mac 2026
(Selasa)

Tarikh Tutup:
31 Mac 2026
(Selasa)
Tidak Lewat dari jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 014 / 2026

Nama Projek:
Membekal dan Mengganti
Air-Cooled Multi Compressor
Chillers and Chilled Water Fan
Coil Units At Istana Kota
Mengellela Kuala Belait.

No. Projek:
2025ADBT/KEW-02

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-


KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Tajuk-Tajuk Tawaran
Perkhidmatan Pengangkutan
Bot Temuai Kementerian
Pendidikan Tahun 2026**

**MOE / LTK / 14 / 2026 / 2027
(BKP-FEB-2026)**

Tawaran Perkhidmatan
Pengangkutan Bot Temuai
Sebanyak 5 Buah Bagi Kawasan
Angkutan Zon A (Sekolah Rendah
Saba Darat) Di Bawah Kawalan
Bahagian Kenderaan Dan
Pengangkutan,
Jabatan Pentadbiran Dan
Perkhidmatan-Perkhidmatan,
Kementerian Pendidikan Untuk
Tempoh Tiga (3) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran:**
BND10.00

[Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran Tidak Dikembalikan]

**MOE / LTK / 15 / 2026 / 2027
(BKP-FEB-2026)**

Tawaran Perkhidmatan
Pengangkutan Bot Temuai
Sebanyak 9 Buah Bagi Kawasan
Angkutan Zon B (Sekolah Rendah
Sungai Siamas) Di Bawah
Kawalan Bahagian Kenderaan
Dan Pengangkutan,
Jabatan Pentadbiran Dan
Perkhidmatan-Perkhidmatan,
Kementerian Pendidikan Untuk

Tempoh Tiga (3) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran:**
BND10.00

[Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran Tidak Dikembalikan]

**MOE / LTK / 16 / 2026 / 2027
(BKP-FEB-2026)**

Tawaran Perkhidmatan
Pengangkutan Bot Temuai
Sebanyak 1 Buah Bagi Kawasan
Angkutan Zon C (Sekolah Rendah
Nakhoda Abdul Rashid Kampong
Menunggol) Di Bawah Kawalan
Bahagian Kenderaan Dan
Pengangkutan,
Jabatan Pentadbiran Dan
Perkhidmatan-Perkhidmatan,
Kementerian Pendidikan Untuk
Tempoh Tiga (3) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran:**
BND10.00

[Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran Tidak Dikembalikan]

**MOE / LTK / 17 / 2026 / 2027
(BKP-FEB-2026)**

Tawaran Perkhidmatan
Pengangkutan Bot Temuai
Sebanyak 2 Buah Bagi Kawasan
Angkutan Zon C (Sekolah Rendah
Tanjong Kindana) Di Bawah
Kawalan Bahagian Kenderaan

Dan Pengangkutan,
Jabatan Pentadbiran Dan
Perkhidmatan-Perkhidmatan,
Kementerian Pendidikan Untuk
Tempoh Tiga (3) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran:**
BND10.00

[Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Membeli
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
17 Mac 2026

**Tarikh Tutup
Dan Waktu:**
Selasa,
31 Mac 2026
Tidak Lewat
Jam 2.00 Petang


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
III, IV & V Sahaja

Kategori:
MA01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
17 Mac 2026
(Selasa)

Tarikh Tutup:
31 Mac 2026
(Selasa)
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 036 / 2025 -
Retender

Nama Projek:
Membekal dan Mengganti
Condensing Units dan Air
Handling Unit Di Dewan Santap
Kuala Belait. - Retender

No. Projek:
2026ADKB/DKB-001

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



OPERASI KIYOMERU PATAHKAN SINDIKET PENGEDARAN DADAH

Siaran Akhbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Biro Kawalan Narkotik (BKN) telah melancarkan beberapa siri operasi serbuan bagi melumpuhkan beberapa rangkaian pengedaran dadah yang aktif di Kampong Ayer menerusi Operasi Kiyomeru.

Rangkaian-rangkaian pengedar dadah yang menjadi sasaran dalam Operasi Kiyomeru berkenaan diketahui mempunyai kaitan dengan rangkaian pengedaran yang telah ditumpaskan oleh BKN sebelum ini.

Beberapa siri serbuan operasi bermula sejak Disember 2025 sehingga Februari 2026 menyasarkan kepada beberapa lokasi berasingan di Daerah Brunei dan Muara (DBM) seperti Kampong Bunut, Kampong Pangkalan Batu dan beberapa kawasan di

Kampong Ayer terutamanya Kampong Tamoi.

Secara keseluruhan, operasi berkenaan telah menahan seramai 36 orang yang terdiri daripada 27 lelaki dan sembilan perempuan dalam lingkungan umur 18 hingga 57 tahun.

Sehingga kini, Operasi Kiyomeru menghasilkan rampasan-rampasan berikut, iaitu 209.39 gram (g) Syabu, wang tunai berjumlah BND6,836 dan SGD22 dipercayai hasil daripada kegiatan pengedaran dadah, alat perkakas untuk menyalahgunakan dadah, peralatan untuk membungkus (*packing*) dadah seperti gunting, alat timbangan digital dan plastik lutsinar kosong; sebuah kenderaan dipercayai digunakan dalam menjalankan kegiatan dadah, dan beberapa barang kemas dipercayai hasil

daripada kegiatan pengedaran dadah.

Dadah Syabu yang dirampas dianggarkan bernilai lebih daripada BND20,000 di pasaran tempatan dan boleh menampung sekurang-kurangnya 2,000 pengguna dadah.

Modus Operandi rangkaian berkenaan ialah dengan menggunakan golongan muda dan kenalan rapat sebagai penyimpan bekalan dadah dengan bayaran upah. Selain itu, mereka juga digunakan sebagai *runner* untuk menjalankan tugas-tugas menerima bekalan dan penghantaran dadah kepada para pembeli di Kampong Ayer termasuk di Kampong Tamoi dan kampung-kampung lain berdekatan.


Siasatan BKN mendapati tiga orang tangkapan yang kesemuanya berumur 20 tahun, terlibat dalam rangkaian Operasi Kiyomeru berkenaan berperanan sebagai pembekal dadah dan penyimpan bekalan dadah.

Mereka disiasat di bawah Seksyen 3A, Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27 atas kesalahan memiliki dadah terkawal bagi tujuan mengedar dan jika sabit, boleh membawa hukuman gantung sampai mati.


Manakala, tiga orang tangkapan lainnya turut disiasat di bawah Seksyen 83 (1) Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah, 2012 (Criminal Asset Recovery Order - CARO).

BKN akan terus menjalankan operasi serbuan dan tangkapan dalam usaha menumpaskan rangkaian pengedar-pengedar dadah yang terus menjalankan aktiviti haram berkenaan tanpa menghiraukan kerosakan dan kesan negatif kepada kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Dalam kesempatan ini, BKN ingin merakamkan penghargaan atas bantuan kerjasama daripada agensi-agensi perisikan keselamatan yang menyumbang kepada kejayaan operasi berkenaan.



RAMPASAN-rampasan dari Operasi Kiyomeru iaitu Syabu, dan wang tunai yang dipercayai hasil daripada kegiatan pengedaran dadah (atas dan bawah). Biro Kawalan Narkotik akan terus menjalankan operasi serbuan dan tangkapan dalam usaha menumpaskan rangkaian pengedar-pengedar dadah yang terus menjalankan aktiviti haram berkenaan.



Dikehendaki untuk bantu siasatan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Mac. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memohon kerjasama dan bantuan orang ramai bagi mengesan seorang lelaki warga tempatan, Awang Mohammad Anuaruddin bin Haji Mat Zaini, nombor Kad Pintar 01-050036 (K) yang dikehendaki untuk membantu siasatan.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, orang ramai bolehlah berhubung terus ke Jabatan Siasatan Jenayah di talian +673 2459500 sambungan 490 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.



AWANG Mohammad Anuaruddin bin Haji Mat Zaini dengan nombor Kad Pintar 01-050036 (K).



PERINGATAN KEDUA: NOTIS PENTING

Notis ini adalah untuk Ahli-Ahli TAP yang:

- ✓ Berumur 56 tahun & ke atas
- ✓ Masih berada di bawah Skim TAP
- ✓ Belum membuat Pengeluaran TAP55

Ahli yang terlibat hendaklah memilih **SATU** daripada pilihan berikut:

Pilihan 1: Buat Pengeluaran TAP55 melalui e-Amanah

- ✓ Selepas pengeluaran dibuat, akaun TAP/SCP ahli akan ditukar secara automatik kepada SPK.
- ✓ Baki SCP (jika berkenaan) akan dipindahkan ke dalam Akaun Persaraan SPK.
- ✓ Ahli boleh menghubungi Pusat Panggilan TAP untuk mendapatkan konsultasi mengenai pilihan bayaran balik atau pilihan anuiti bagi membantu memahami manfaat SPK.



Pilihan 2: Sertai SPK dengan Serta-merta

- ✓ Sila kunjungi kaunter mana-mana cawangan TAP untuk tujuan pengesahan atau maklumat lanjut

Tarikh Akhir Keputusan:

TAP memerlukan keputusan ahli **selewat-lewatnya pada 30 Mac 2026**. Sekiranya tiada keputusan dibuat, akaun TAP/SCP ahli akan ditukar secara automatik kepada SPK.

Untuk pertanyaan sila hubungi Pusat Panggilan TAP di talian 272 2929 atau kunjungi cawangan TAP yang terdekat.

Imbas untuk senarai nama Ahli TAP



NOTIS UNTUK AHLI-AHLI TAP

Notis ini adalah untuk ahli-ahli berikut:

Wang Tidak Dituntut

- ✓ Berumur 80 tahun dan ke atas.
- ✓ Mempunyai baki dalam akaun TAP/SCP.

Pengeluaran TAP

- ✓ Berumur 60 tahun dan ke atas.
- ✓ Mempunyai baki dalam akaun TAP.
- ✓ Tidak mempunyai akaun SCP.



Imbas untuk senarai nama Ahli TAP

Ahli-ahli berkenaan diminta untuk menyemak senarai nama melalui kod QR yang disediakan dan dinasihatkan untuk membuat pengeluaran melalui **Kaunter Perkhidmatan TAP** ataupun secara dalam talian melalui **e-Amanah** (<https://eamanah.tap.com.bn>).

Ahli hendaklah menyertakan dokumen-dokumen berikut:

- ✓ Salinan Kad Pengenalan ahli.
- ✓ Salinan butiran/penyata Akaun Bank yang terkini.

Ahli TAP yang tidak berkeupayaan dari segi mobiliti bolehlah memohon perkhidmatan TAP Membantu untuk membuat pengurusan pengeluaran dengan menghubungi 894 2929 (melalui WhatsApp) atau memohon secara menerusi kod QR yang disediakan.



Imbas untuk memohon perkhidmatan TAP Membantu

Untuk pertanyaan atau bantuan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan TAP di talian 272 2929 atau kunjungi Cawangan TAP yang berdekatan.

KESAN HULUR SUMBANGAN KEPADA 40 PELAJAR SMARTER, KELUARGA

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Mac. - Dalam semangat kasih sayang dan kebersamaan sempena bulan Ramadan yang penuh keberkatan, Persatuan Kemajuan Insan (KESAN) telah menganjurkan Kempen Derma KESAN Memberi, sebuah inisiatif yang bertujuan untuk membantu pelajar daripada Society for the Management of Autism Related Issues in Training, Education and Resources (SMARTER Brunei) serta keluarga mereka.

Kempen pengumpulan sumbangan ini telah berlangsung selama empat hari bermula 3 hingga 6 Mac 2026, di mana Ahli-ahli KESAN bersama para penyumbang telah berganding bahu menyumbangkan pelbagai barangan keperluan asas dan kelengkapan pembelajaran.

Selain sumbangan barangan, sejumlah BND614.20 turut berjaya dikumpulkan melalui Kempen Derma KESAN Memberi bagi menyokong inisiatif ini. Hasil usaha bersama ini, pakej sumbangan berjaya disediakan untuk 40 pelajar SMARTER dan keluarga mereka.

Antara barangan yang dikumpulkan termasuk beras, minyak masak, makanan dalam tin, biskut, minuman kordial, telur, susu pekat dan pelbagai kelengkapan pembelajaran seperti buku latihan, alat tulis serta bahan mewarna. Semua barangan ini telah disusun

dan dibungkus oleh para sukarelawan sebelum diagihkan kepada penerima.

Majlis penyerahan sumbangan telah diadakan di Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD), yang menghimpunkan para sukarelawan KESAN, wakil SMARTER serta para pelajar dan keluarga mereka.

Hadir pada majlis tersebut, Naib Presiden 1 SMARTER Brunei, Malai Sharifah Adila Surya binti Malai Haji Abdullah. Dalam ucapan pembukaannya, Presiden KESAN menekankan kepentingan semangat memberi dan kerjasama masyarakat dalam membantu golongan yang memerlukan.

"Program KESAN Memberi ini mengingatkan kita bahawa setiap kebaikan, walaupun kecil, mampu membawa perubahan yang besar dalam kehidupan seseorang. Dalam tempoh beberapa hari sahaja, masyarakat telah bersama-sama menyumbangkan pelbagai barangan keperluan yang akan memberi manfaat kepada 40 pelajar SMARTER dan keluarga mereka," ujarnya.

Sementara itu, Naib Presiden 2 SMARTER Brunei, Mejar (B) Md. Talip bin Muhd. Tahir, turut menyatakan penghargaan terhadap inisiatif tersebut. "Kami amat menghargai inisiatif seperti KESAN Memberi yang menggalakkan penglibatan golongan belia bersama individu

berkeupayaan berbeza," jelasnya.

Melalui inisiatif seperti KESAN Memberi, organisasi belia ini terus mengangkat misinya untuk memupuk nilai kepimpinan, empati dan khidmat kepada masyarakat.

Program ini juga memberi peluang kepada para sukarelawan untuk menghayati nilai kerjasama, keprihatinan dan semangat memberi, sejajar dengan komitmen KESAN dalam pembangunan insan secara menyeluruh.

KESAN merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penyumbang, sukarelawan dan rakan kerjasama yang telah menayakan kempen derma ini. Seperti tema inisiatif ini, perbuatan kecil mampu membawa impak yang besar, terutamanya dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Kemajuan Insan



NAIB Presiden 1 SMARTER Brunei, Malai Sharifah Adila Surya binti Malai Haji Abdullah hadir pada majlis tersebut.



SALAH seorang penerima bergambar mesra ketika sumbangan diagihkan.

Pendaftaran Peperiksaan SPB Jun 2026 dibukakan

■ Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Mac. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan telah membukakan pendaftaran Peperiksaan Sijil Perdagangan Brunei (SPB) bagi bulan Jun 2026. Pendaftaran peperiksaan adalah dibukakan kepada calon-calon yang berdaftar di Bahagian Pendidikan Lanjutan dan Latihan (CET) dan calon-calon persendirian.

Borang pendaftaran dan keterangan lanjut berkaitan pendaftaran boleh diperolehi di Kaunter Jabatan Peperiksaan, Pusat Perkhidmatan Setempat, Aras Bawah, Blok 'C', Kementerian Pendidikan semasa waktu pejabat dibuka mulai Isnin, 9 Mac 2026 hingga Sabtu, 9 Mei 2026.

Pembayaran bolehlah dibuat di Kaunter Jabatan Peperiksaan,

Pusat Perkhidmatan Setempat, Aras Bawah, Blok C, Kementerian Pendidikan secara wang tunai sahaja pada bulan Ramadan setiap Isnin hingga Khamis dari pukul 8.15 pagi hingga 12.00 tengah hari dan Sabtu bermula pukul 8.15 pagi hingga 10.00 pagi.

Manakala pembayaran pendaftaran selepas bulan Ramadan, pada setiap Isnin hingga Khamis pada sebelah pagi dari pukul 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan di sebelah petang dari pukul 1.30 petang hingga 2.30 petang kecuali Sabtu, yang bermula pukul 8.00 pagi hingga 10.00 pagi sahaja.

Borang pendaftaran peperiksaan yang telah lengkap berserta dengan dokumen yang diperlukan hendaklah dikembalikan tidak lewat daripada Sabtu, 9 Mei 2026.



Selera KAMPUNG Kitani



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Sambal Tumis Udang Petai

Kampung Sungai Sulok Temburong

BAHAN-BAHANNYA :
 1kg udang (buang kulit & cuci bersih)
 1 genggam petai (ikut suka banyak mana)
 5 sudu besar cili kisar
 1 biji bawang besar (dikisar)
 4 ulas bawang putih (dikisar)
 5 ulas bawang merah (dikisar)
 1 inci belacan (jika suka)

Garam, gula dan sedikit perasa secukupnya
CARA-CARA MEMASAK :
 Panaskan minyak dalam kualiti, tumis bawang besar hiris hingga layu dan wangi. Masukkan bahan kisar (bawang besar, bawang putih, bawang merah, belacan) bersama cili

kisar lalu tumiskan hingga pecah minyak dan sambal garing. Kemudian perasakan dengan garam, gula dan secukupnya rasa (lebihkan gula sedikit untuk seimbangkan pedas sambal). Masukkan udang, gaul sebentar. Akhir sekali, masukkan petai dan gaul sebatu.

LAHIRKAN RASA SYUKUR, GEMBIRA ATAS KURNIA PERIBADI KEBAWAH DYMM



DAYANG Husaimah binti Murni berkongsi rasa gembira semasa ditemu bual.

kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Pelita Brunei berkesempatan menemu bual beberapa penerima pada Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada Golongan-golongan Tertentu khusus bagi Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam yang Beragama Islam sempena Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi bagi Daerah Brunei dan Muara di Istana Nurul Iman.

Rata-rata penerima yang ditemui merafakkan rasa kesyukuran dan merasa gembira di atas pengurniaan berkenaan lebih-lebih lagi dalam membuat persiapan menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Salah seorang penerima, Dayang Husaimah binti Murni, 44 tahun, dari Kampung Perpindahan Rimba Gadong, berkongsi rasa gembira apabila beliau dan anaknya sama-sama menerima kurnia tersebut.

"Alhamdulillah, saya berasa sangat gembira dan bersyukur menerima kurnia ini. Ia sangat membantu saya sebagai seorang ibu," katanya.

Menurutnya, kurnia tersebut membolehkan beliau membuat persiapan lebih baik untuk masa hadapan termasuk menyimpan bagi keperluan harian dan jangka panjang.

"Saya berharap para penerima yang lain juga dapat memanfaatkan kurnia ini dengan sebaiknya," tambahnya sambil menjunjung kasih Kehadapan

PENGIRAN Norain binti Pengiran Haji Metali dan Awang Muhd. Zakwan Irwan Ariffin bin Haji Masharun semasa ditemu bual (kiri dan kanan).

Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia peribadi berkenaan.

Sementara itu, penerima bagi golongan anak yatim, Awang Muhd. Zakwan Irwan Ariffin bin Haji Masharun, 11 tahun, dari Kampung Lambak Kanan, turut melahirkan rasa gembira atas kurnia yang diterimanya.

"Dengan Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ini, ia dapat saya gunakan untuk membeli barang-barang keperluan penting bagi menyambut Hari Raya. Walaupun hanya membeli barang yang perlu, ia tetap sangat membantu," ujarnya.

Bagi Pengiran Norain binti Pengiran Haji Metali, 55 tahun, dari Rancangan Perumahan Negara Kampung Panchor, Mengkubau, beliau sangat menghargai kurnia tersebut lebih-lebih lagi sebagai seorang ibu tunggal yang membesarkan lima orang anak.

"Alhamdulillah, saya rasa sangat bersyukur atas kurnia ini kerana ia sedikit sebanyak dapat meringankan perbelanjaan untuk membeli barang-barang keperluan keluarga termasuk untuk Hari Raya," jelasnya.

Beliau juga menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas keprihatinan baginda terhadap rakyat dan penduduk di negara ini.

"Semoga baginda serta kerabat diraja sentiasa dikurniakan kesihatan yang baik, kesejahteraan dan dilanjutkan usia. Amin ya rabbal al-amin," tambahnya.

Dalam pada itu, seorang lagi penerima, Dayang Baridah binti Kahar, dari Kampung Bolkiah 'A' melahirkan rasa gembira apabila menerima kurnia berkenaan yang menurutnya dapat digunakan untuk membuat persiapan Hari Raya termasuk menghias rumah bagi kesesuaian tetamu yang datang berkunjung semasa Aidilfitri nanti.

"Saya merafakkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas Kurnia Peribadi Kebawah DYMM ini dan mendoakan agar baginda sentiasa sihat walafiat dan kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam," katanya.



DAYANG Baridah binti Kahar ketika ditemu bual.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Mac. - Pengagihan Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjelang Hari Raya Aidilfitri terus membawa kegembiraan kepada para penerima yang berkecukupan.

Kurnia berkenaan bukan sahaja membantu meringankan perbelanjaan penerima, tetapi juga mencerminkan keprihatinan serta kasih sayang baginda terhadap



Penerima kurnia peribadi rafak syukur



DAYANG Norhayati binti Awang Jaber dan **Dayang Ainul Mardiah binti Maidin** bersama ibunya, **Dayang Emeliawaty binti Mohd. Jamil** semasa ditemu bual (kiri dan kanan).

BELAIT, Isnin, 9 Mac. - Majlis Pengagihan Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Kepada Golongan-



golongan Tertentu Khusus bagi Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam yang Beragama Islam bagi Daerah Belait, diadakan di Pusat Insani, Seria, di sini.

Sehubungan itu, Pelita Brunei telah menemu bual beberapa orang penerima kurnia berkenaan yang menzahirkan rasa syukur dan

menjunjung kasih di atas pengurniaan kurnia peribadi kepada mereka.

Dayang Ainul Mardiah binti Maidin yang berusia 5 tahun, penerima anak yatim antara lain menzahirkan perasaan gembira dan berterima kasih kepada Kehadapan Majlis baginda di atas pengurniaan kurnia peribadi tersebut.

Beliau yang ditemani ibunya, Dayang Emeliawaty binti Mohd. Jamil, 48 tahun dari Kampung Lumut antara lain menjelaskan bahawa beliau menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pengurniaan kurnia peribadi tersebut.

Tambahnya, dengan pengurniaan kurnia peribadi itu ia akan dapat membantu dalam perbelanjaan harian anak beliau terutamanya dalam menyambut Syawal yang akan menjelang tidak lama lagi.

Sementara itu, Dayang

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Norhayati binti Awang Jaber dari Kampung Sungai Teraban, penerima dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) menjelaskan pengurniaan kurnia peribadi tersebut merupakan kali kedua diterimanya. Beliau juga ingin merafak sembah dan bersyukur serta menjunjung kasih Kehadapan Majlis baginda.

"Saya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas pengurniaan kurnia peribadi ini, yang mana ia akan dapat membantu perbelanjaan harian saya dan keluarga saya terutamanya dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri nanti," ujarnya menjelaskan.

Manakala seorang lagi penerima daripada golongan OKU, Pengiran Haji Abdul Kadir bin Pengiran Haji Aji yang berusia 73 tahun dari Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lorong 3 juga menzahirkan rasa syukur dan

merafak sembah Kehadapan Majlis baginda.

"Saya merafak sembah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia kerana memberi sumbangan kepada saya, semoga Kebawah DYMM serta keluarga akan sentiasa dalam keadaan sejahtera dan semoga baginda akan sihat sentiasa dan dirahmati oleh Allah



PENGIRAN Haji Abdul Kadir bin Pengiran Haji Aji.

Ringankan perbelanjaan menjelang Hari Raya



DAYANG Ummu Habibah binti Abdullah, 60 tahun, berasal dari Kampung Batu Apoi (kanan).



DAYANGKU Nursyarifah binti Pengiran Badar dari Kampung Menengah ketika ditemu bual (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, AWANG Muhammad Saiful Shahril bin Abdul Malik semasa ditemu bual.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TEMBURONG, Isnin, 9 Mac. - Para penerima Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Temburong melahirkan rasa syukur dan menjunjung tinggi atas kemurahan hati baginda itu.

Selain itu juga, pengurniaan kurnia tersebut setentunya dapat meringankan beban, terutama mereka yang memerlukan

bantuan dalam turut sama meraikan Aidilfitri yang bakal menjelma.

Pelita Brunei berkesempatan untuk menemu bual beberapa orang penerima pada Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Raya Aidilfitri kepada Golongan-golongan Tertentu yang terdiri daripada Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam yang Beragama Islam, bertempat di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar, di sini.

Dayang Ummu Habibah binti Abdullah, 60 tahun, berasal dari Kampung Batu Apoi, Temburong, menjelaskan, tahun ini merupakan kali pertama beliau menerima Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Beliau turut merasa gembira dan terharu di atas penganugerahan kurnia peribadi baginda ini, dan beliau juga tidak lupa mendoakan semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta kerabat diraja sentiasa dalam keadaan sihat walafiat.

Tambahnya lagi, kurnia tersebut akan digunakan untuk peribadi, dan perbelanjaan

menjelang Hari Raya yang akan tiba nanti.

Sementara itu, bagi Dayangku Nursyarifah binti Pengiran Badar, 9 tahun, turut merasa gembira dan teruja di atas penganugerahan kurnia peribadi Kebawah DYMM ini.

Dayangku Nursyarifah dari Kampung Menengah, Temburong, menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah DYMM kerana mengambil berat tentang golongan-golongan tertentu khususnya golongan anak-anak yatim dan sebagainya.

Beliau berkata, kurnia peribadi Kebawah DYMM sempena Hari Raya itu akan digunakan sebaik-baiknya bagi memenuhi keperluan harian.

Di kesempatan itu, beliau turut menyebarkan rasa syukur Kehadapan Majlis Kebawah DYMM di atas pengurniaan tersebut dan mendoakan baginda dan kerabat diraja akan sentiasa diberikan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Perasaan yang sama turut dizahirkan oleh Awang Muhammad Saiful Shahril bin

Abdul Malik, 12 tahun, yang juga merupakan salah seorang penerima Kurnia Peribadi Kebawah DYMM.

Jelas Awang Muhammad Saiful Shahril, Kurnia Peribadi Kebawah DYMM ini bukan saja dapat memenuhi keperluan harian beliau, tetapi dapat juga meringankan beban mereka sekeluarga.

Menurutnya, beliau akan berjimat cermat dan akan membeli mana-mana barang keperluan mereka seharian dan selebihnya akan disimpan untuk kegunaan masa depan.

Beliau juga melahirkan rasa bersyukur atas sikap pemedulian pihak kerajaan terhadap golongan yang memerlukan dan beliau juga tidak lupa mendoakan semoga Kebawah DYMM berserta kerabat diraja sentiasa dalam keadaan sihat walafiat.



MINDA PEMBACA

Peranan kewangan Islam dalam pembangunan ekonomi

KEWANGAN Islam merupakan salah satu sistem kewangan yang penting dalam pembangunan ekonomi negara, khususnya di Negara Brunei Darussalam. Sistem ini berlandaskan prinsip syariah yang menekankan keadilan, ketelusan, amanah serta larangan riba, gharar dan aktiviti yang bercanggah dengan hukum Islam. Sehubungan itu, kewangan Islam bukan sahaja menjadi alternatif kepada sistem kewangan konvensional, malah berperanan sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi yang mampan

dan beretika.

Salah satu peranan utama kewangan Islam ialah mewujudkan keadilan ekonomi melalui konsep perkongsian risiko dan keuntungan seperti mudharabah dan musyarakah. Melalui konsep ini, pihak pelabur dan usahawan berkongsi pulangan dan risiko secara adil, sekali gus mengurangkan jurang ekonomi dan menggalakkan aktiviti keusahawan. Selain itu, instrumen pembiayaan islam seperti murabahah dan ijarah membantu perusahaan kecil dan sederhana memperoleh modal tanpa melibatkan unsur riba, seterusnya

menyokong pertumbuhan sektor perniagaan tempatan.

Di samping itu, kewangan Islam turut menyumbang kepada pembangunan sosial melalui instrumen zakat, wakaf dan sedekah. Dana ini digunakan untuk membantu golongan kurang berkemampuan, memperkasa pendidikan dan kesihatan serta membangunkan kemudahan awam demi kesejahteraan masyarakat. Tambahan pula, kewangan Islam berpotensi menarik pelaburan antarabangsa kerana sifatnya yang stabil, telus dan berlandaskan nilai etika.

Kesimpulannya, kewangan islam memainkan peranan yang signifikan dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara. Oleh itu, pengukuhan sistem kewangan Islam wajar dipertingkatkan bagi memastikan pembangunan ekonomi yang seimbang, berdaya tahan dan selaras dengan aspirasi Negara Brunei Darussalam.

Nama : Dayangku Nur 'Aisyah Binti Pengiran Haji Ahmad
No. K/P : 01-051XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Puasa Sebagai Latihan Disiplin Diri'. Tarikh Tutup : 11 Mac 2026
2. 'Memupuk Budaya Menabung Sedari Kecil'. Tarikh Tutup : 18 Mac 2026
3. 'Peranan Individu Dalam Mengurangkan Pemanasan Global'. Tarikh Tutup : 25 Mac 2026

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



Keperihatinan : Simbol kasih seorang raja

Oleh : Hezlinawati Haji Abd Karim
Foto : Jabatan Penerangan

SENYUMAN manis jelas kelihatan di wajah para penerima Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada golongan-golongan tertentu khusus bagi rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang beragama Islam sempena Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi. Tidak mustahil pelbagai perancangan telah disusun dan berlegar-legar di kepala masing-masing bagaimana hendak memanfaatkan kurnia dari raja yang dikasihi itu. Sudah tentu ada yang merancang mahu menggunakan wang kurnia yang diterima untuk perbelanjaan hari raya, untuk kegunaan harian, ada yang merancang hendak menyimpan sebahagian daripada wang kurnia berkenaan, malah mungkin ada yang merancang hendak membeli sesuatu yang sudah lama diidamkan tetapi belum dapat dicapai kerana hambatan kewangan. Hanya setahun sekali, inilah masa bagi para penerima untuk berbelanja lebih sedikit, berkat kurnia

peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang begitu memahami situasi golongan mereka yang memerlukan itu.

Majlis Pengagihan Kurnia Peribadi Kebawah DYMM telah diadakan serentak di keempat-empat daerah pada Isnin, 9 Mac 2026 yang lalu disempurnakan oleh paduka-paduka anakanda Kebawah DYMM selaku wakil-wakil peribadi baginda. Bagi Daerah Brunei dan Muara, seramai 2,000 penerima telah menerima kurnia dari raja yang dikasihi pada majlis yang diadakan di Istana Nurul Iman. Manakala di Daerah Belait, seramai 1,000 penerima, Daerah Tutong juga seramai 1,000 penerima dan di Daerah Temburong pula seramai 677 penerima. Pengagihan Kurnia Peribadi baginda juga diadakan pada Selasa, 10 Mac 2026 dan Rabu, 11 Mac 2026 di beberapa pusat-pusat pengagihan yang telah ditetapkan.

Keperihatinan

Keperihatinan baginda terhadap rakyat jelatanya memang tidak perlu dinafikan lagi. Selain bantuan-bantuan asas yang diterima oleh golongan terbabit, Kebawah DYMM juga

setiap tahun menganugerahkan kurnia peribadi sempena Hari Raya Aidilfitri kerana baginda maklum untuk meraikan Aidilfitri memerlukan banyak wang. Namun begitu, Kebawah DYMM sering kali bertitah agar sambutan Hari Raya Aidilfitri diraikan secara sederhana dan mengelakkan pembaziran, sebagaimana titah perutusan baginda sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1446H / 2025M :

"Dalam kemeriahan Aidilfitri ini, kita sewajarnya mengelakkan pembaziran dan sebaliknya banyak bersyukur atas segala nikmat yang dikurniakan. Inilah antara hikmah Ramadan dan Syawal untuk mengajar kita bagaimana menerapkan keperihatinan dan kesyukuran".

Sistem Aluan

Bagi memastikan proses Pengagihan Kurnia Peribadi Kebawah DYMM berjalan lancar dan bersistematik, satu sistem dinamakan Sistem Aluan telah digunakan sejak tahun 2024. Pada tahun ini, sistem kendalian Pejabat Kebawah DYMM itu telah dinaik taraf untuk memastikan kemampuan untuk menampung peningkatan pendaftaran

dan pengagihan bagi penerima dengan memperkenalkan Pas Badan RFID yang mana nama-nama penerima telah didaftarkan ke dalam kad berkenaan untuk mempercepatkan lagi proses pendaftaran serta pengagihannya.

Manfaatkan kurnia dengan sebaiknya

Tidak dinafikan, Kurnia Peribadi Kebawah DYMM ini memberikan makna yang sangat besar kepada para penerima terutama mereka yang sangat memerlukan. Selain dapat membantu meringankan sedikit perbelanjaan harian, pemberian kurnia ini secara tidak langsung menjadi simbol kasih sayang seorang raja kepada rakyatnya. Oleh itu, para penerima kurnia peribadi baginda ini disarankan untuk memanfaatkan kurnia baginda itu dengan sebaik-baiknya terutamanya dalam membuat persiapan hari raya yang tidak lama lagi. Raikanlah Aidilfitri mengikut kemampuan masing-masing dan janganlah terlalu boros ketika berbelanja. Anugeraha yang diterima itu hanya setahun sekali, maka janganlah ia disia-siakan begitu sahaja.





Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Jabatan Penerangan

MAJLIS Mesyuarat Negara (MMN) merupakan salah satu Majlis Mesyuarat di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang dikendalikan oleh Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, berdasarkan sistem House of Commons United Kingdom. Majlis ini ditubuhkan menurut Bab 23 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 dan ahli-ahlinya dilantik menurut Bab 24.

MMN dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua MMN (Speaker) yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertua Negara Brunei Darussalam menurut Bab 37 dari Perlembagaan sama ada dipilih dari Ahli-ahli Majlis atau mereka yang bukan Ahli-ahli Majlis. Fungsi utama MMN adalah untuk Merundingkan dan meluluskan undang-undang; Membuat pindaan kepada undang-undang yang sedia ada; Mengenakan sekatan-sekatan atau cukai kewangan; Meneliti dan menyemak polisi dan dasar Kerajaan Brunei; Meluluskan bajet Kerajaan Brunei dan Perkara lain yang berkaitan dengan perjalanan MMN. Persidangan MMN diadakan setiap tahun pada bulan Mac bagi menimbang dan meluluskan Anggaran Hasil dan Belanjawan Tahunan bagi Kerajaan Brunei.

Sejarah ringkas

Sejak 21 Oktober 1959 hingga 12 Februari 1984, MMN ini telah bersidang sebanyak 32 musim permesyuaratan. MMN yang pertama bersidang pada 21 Oktober 1959 bertempat di Lapau. Persidangan MMN yang terakhir ialah MMN Ke-21 (Belanjawan) iaitu sebelum Brunei mencapai kemerdekaan penuh bertempat di Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan. Tempoh keahlian MMN ialah selama lima tahun menurut Bab 55(2) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959.

MMN ini dibubarkan pada 13 Februari 1984 dan ditubuhkan semula pada 25 September 2004 berdasarkan aturan lama dan kemudian dibubarkan pada 1 September 2005. Ia ditubuhkan semula pada 2 September 2005 setelah pindaan baru Perlembagaan 1959 dimasyhurkan.

Pengurusan MMN dikendalikan oleh Jurutulisnya dalam membantu Yang Di-Pertua MMN mengendalikan persidangan dari sudut nasihat dan pandangan berkenaan dengan peraturan-peraturan mesyuarat. Jurutulis dan Timbalan Jurutulis juga memainkan peranan yang sama untuk Ahli MMN. Pengendalian MMN dibantu sepenuhnya oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Pada tahun ini, Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi akan bermula pada Khamis, 22 Ramadan 1447H bersamaan 12 Mac 2026M dengan keberangkatan dan pengurniaan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertua Negara Brunei Darussalam sebagai tumpuan utama Istiadat Pembukaan Rasmi.

Sebelum Istiadat Pembukaan Rasmi berlangsung, Persidangan MMN akan bersidang untuk meneliti dan mengesahkan Jurnal (Minit Mesyuarat) Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN yang telah bersidang pada 2025.

Persidangan berkenaan akan ditangguhkan bagi memberikan laluan bagi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN.

Persidangan MMN pada tahun ini akan membincangkan perkara yang berkaitan hala tuju pembangunan negara melalui pertanyaan serta perbincangan yang tertumpu kepada Rang Undang-Undang (2026) Perbekalan bagi Tahun Kewangan 2026/2027 dan Usul Kumpulwang Kemajuan untuk diluluskan sepenuhnya dan diwartakan untuk diguna pakai bermula 1 April 2026.

Persidangan MMN akan dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib; dan dibantu oleh Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah.

MMN kekal berperanan sebagai institusi perundangan dan perbincangan tertinggi negara. Ahli-ahli MMN terdiri oleh Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Ahli Yang Di-Lantik dari Orang-orang Yang Bergelar, Orang-orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan, dan Wakil-wakil Dari Daerah-daerah.

Melalui perbincangan yang berhemat serta suasana musyawarah yang konstruktif, MMN berfungsi sebagai wadah penyelarasan pandangan antara rakyat dan kerajaan dalam menimbang dasar-dasar penting negara ke arah menyokong usaha memperkukuh pertumbuhan ekonomi yang mampan, meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui pendekatan sosial yang inklusif, serta memastikan keamanan dan kestabilan negara terus terpelihara di bawah limpahan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

Prosedur dan amalan perundangan

Fungsi utama MMN bertindak selaku penasihat kepada Kerajaan Brunei dengan meneliti dasar-dasar dan pelaksanaannya, seperti dalam menggubal undang-undang, meluluskan anggaran belanjawan dan hasil mahsul bagi setiap tahun dalam perancangan kemajuan negara, termasuk juga mengenai dengan ketetapan cukai.

Berlainan dari Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet, dalam MMN setiap ahli dibolehkan mengemukakan sebarang rang undang-undang atau mengesyorkan mana-mana usul supaya dibahaskan. Walau bagaimanapun, semua rang undang-undang yang akan dibahaskan ataupun diluluskan hendaklah terlebih dahulu mendapat

persetujuan dari Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet. Kecuali dalam perkara-perkara tertentu, setiap rang undang-undang yang hendak dikemukakan dalam MMN hendaklah terlebih dahulu disiarkan dalam Warta Kerajaan bagi pengetahuan umum sekurang-kurangnya 14 hari.

Begitu juga seseorang yang ingin mengemukakan soal jawab melalui lisan atau bertulis hendaklah menghantar soalan-soalan tersebut tujuh hari sebelum pertanyaan tersebut dikemukakan kepada Jurutulis MMN untuk dimasukkan dalam kertas kerja. Cara ini juga memudahkan pihak kerajaan untuk membuat persediaan. Sekiranya seseorang itu tidak berpuas hati dengan jawapan yang diberikan oleh pihak kerajaan, dengan kebenaran Yang Di-Pertua Dewan (Speaker), dia dibolehkan untuk mengusulkan soalan tambahan yang ada kaitannya dengan soalan asal.

Sejak MMN ditubuhkan dua wanita pernah dilantik dari kalangan mereka yang mencapai kecemerlangan. MMN seterusnya juga melakar satu lagi sejarah bila mana melantik lima golongan muda yang cemerlang sebagai Ahli MMN termasuk tiga wanita.

Ini menunjukkan kepercayaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertua Negara Brunei Darussalam terhadap pendapat dan cadangan dari golongan belia dan ini merupakan satu perubahan yang besar dan sangat positif.

MMN punyai visi dan misi tersendiri

Dalam usaha menangani maksud dan pandangan yang jauh, Kebawah Duli Yang Maha Mulia ini, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat mempunyai visi dan misinya yang tersendiri, iaitu meningkatkan mutu MMN setanding dengan Majlis Perundangan (Parlimen) serantau dan memberikan perkhidmatan yang baik dalam mengendalikan Majlis Mesyuarat Diraja, Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan MMN.

Dengan mempunyai ahli yang berbagai-bagai peringkat terdiri daripada Menteri-menteri Kabinet, mereka yang dilantik dari orang-orang yang memberi perkhidmatan cemerlang dalam semua bidang, serta wakil-wakil yang terpilih dari daerah-daerah sudah tentunya akan dapat memberikan pandangan, buah fikiran dan nasihat yang bernas dengan membuat keputusan yang disepakati secara sebulat suara (*consensus*).

Pada tempoh tahun-tahun majlis bersidang, ia banyak membincangkan dan membahaskan isu-isu dan persoalan untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Persidangan ini amat bermakna bagi NBD dalam usaha kerajaan menyediakan sebuah platform untuk menyuarakan pendapat dan masalah-masalah secara bermuzakarah dan muafakat agar persidangan dapat menjadi forum dalam mengekalkan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini dan juga untuk pembangunan bernegara yang lebih maju serta kompetitif.

Dalam hubungan ini juga setiap Ahli MMN bertanggungjawab dalam memartabatkan

MMN ini sebagai institusi yang dihormati, selain sama-sama menangani segala perbincangan, buah fikiran dan tindak tanduk tersebut agar sentiasa dipelihara dan dipertingkatkan kualitinya berasaskan sifat-sifat orang Brunei yang kaya dengan sopan santun, tolong menolong dan tolaq ansur kerana kualiti itu juga merupakan hubungan Ahli-ahli Majlis dengan orang ramai terhadap pemeduliaan kepada rakyat dan penduduk, dan adalah menjadi tanggungjawab bagi semua rakyat dan penduduk di negara ini juga untuk sama-sama memartabatkan dan mengangkat MMN sebagai platform yang sihat ke arah menyalurkan pendapat serta pandangan bagi menyumbang kepada kesinambungan kedaulatan negara bangsa, di samping menjadi wadah kepada kesejahteraan negara.

Dengan adanya MMN ini ia diharap agar majlis tersebut akan membuat sesuatu perkara yang berkebakikan untuk mendekati Kerajaan Kebawah DYMM dengan rakyatnya serta membawa kebajikan bersama, bukan untuk kepentingan diri sendiri kerana MMN diadakan bukan untuk menggugat kestabilan dan kesejahteraan negara dan bangsa, ia juga bukan untuk mewujudkan dan menimbulkan kacau-bilau di mana sebarang kesilapan mengandungi risiko yang lebih berat yang sangat susah dan mengambil masa yang lama untuk diperbaiki.

Peraturan

Sementara itu, Institusi Pendidikan dijemput untuk membawa penuntut-penuntut sebagai pendedahan mengenai MMN termasuk proses perundangan negara dan perbincangan di dalam Dewan Persidangan MMN.

Permohonan lawatan boleh dibuat melalui surat rasmi kepada Urus Setia MMN sekurang-kurangnya lima hari sebelum tarikh lawatan.

Dokumen rasmi persidangan seperti Penyata Rasmi (Hansard), Minit Mesyuarat dan Perintah Harian bolehlah diakses melalui laman sesawang www.majlis-mesyuarat.gov.bn atau www.councils.gov.bn.

Maklumat terkini dan perkembangan persidangan, juga akan diterbitkan dalam Instagram rasmi [@legcobrunei](https://www.instagram.com/legcobrunei).

Manakala bagi pelawat dan orang ramai yang berminat untuk menghadiri Sesi Persidangan adalah dipohonkan untuk mematuhi beberapa peraturan dan garis pandu persidangan khususnya berkenaan dengan kod pakaian dan tatacara memasuki Dewan Persidangan bagi memastikan keselesaan serta kelancaran sepanjang sesi berlangsung, termasuk pakaian kemas dan sopan seperti dinyatakan dalam peraturan, telefon bimbit perlu diaktifkan kepada mod senyap, dan tidak dibenarkan mengambil gambar atau video tanpa kebenaran.

Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut bolehlah dikemukakan kepada Urus Setia MMN, iaitu Urus Setia Majlis Mesyuarat Negara, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, Jalan Dewan Majlis, BB3910 Negara Brunei Darussalam atau melalui talian +673 2380501 atau faks : +673 2385500 atau e-mel majlis.mesyuarat@jmm.gov.bn.

4 MAUT DALAM TANAH RUNTUH DI TAPAK PELUPUSAN SAMPAH DI REPUBLIK INDONESIA



JAKARTA, 10 Mac. - Empat orang maut selepas timbunan sampah berantukan di Tapak Pemrosesan Sisa Bersepadu Bantar Gebang di Bekasi, di pinggir Jakarta, Republik Indonesia, kata Kementerian Alam Sekitar pada Isnin.

Tanah runtuh itu berlaku kira-kira jam 14.30 waktu tempatan pada Ahad di Zon IV tapak pelupusan sampah Bantar Gebang, apabila timbunan sisa setinggi 50 meter runtuh, menurut kenyataan akhbar kementerian itu.

Pihak berkuasa mengesahkan empat mangsa ditemui mati dalam kejadian ini.

Menteri Alam Sekitar Republik Indonesia Hanif Faisol Nurofiq berkata tragedi itu menyerlahkan masalah serius dalam sistem

pengurusan sisa Jakarta.

Beliau memberi amaran bahawa penggunaan berterusan kaedah pembuangan terbuka di tapak pelupusan menimbulkan risiko kepada penduduk dan pekerja, dan menggesa penambahbaikan dalam

amalan pengurusan sisa.

Kementerian telah melancarkan siasatan menyeluruh terhadap kejadian itu dan berjanji bagi penguatkuasaan undang-undang yang ketat untuk mencegah tragedi serupa pada masa hadapan. - ©XINHUA

Meniti bara perang, wanita Gaza terus bergelut

GAZA, 9 Mac. - Mengimbangi bakul kecil kek yang masih panas di atas kepala, Areej al-Ahmad menyusuri lorong - lorong sempit kem perpindahan di Khan Younis sambil memanggil beberapa pelanggan yang melintas di celahan khemah dan timbunan runtuhan.

Hampir dua tahun lepas, ibu berusia 37 tahun itu kehilangan suaminya dalam serangan udara Israel yang menimpa rumah jiran. Letupan itu turut mencederakan kakinya dan derita kesakitan itu masih terasa hingga kini. Sejak itu, beliau membesarkan tiga anak mereka sendiri.

Namun setiap hari, beliau gigih menapak jauh melalui puing-puing kawasan kejiranan untuk menjual kek, satu-satunya sumber pendapatan keluarga itu.

"Kematiannya suami saya memaksa saya bertanggungjawab atas segala-galanya dalam kehidupan anak-anak saya," kata al-Ahmad, lapor Xinhua.

"Dalam sekelip mata, saya menjadi ibu dan bapa kepada mereka. Ada harinya saya berjalan lebih 15 kilometer. Kesakitan tidak pernah meninggalkan saya, tetapi anak-anak saya bergantung pada saya. Saya tidak boleh berhenti".

Di seluruh Gaza, beribu-ribu wanita mengalami nasib yang sama sejak perang bermula, memainkan peranan sebagai penanggungjawab keluarga utama selepas kehilangan suami, rumah dan mata pencarian.

Ketika dunia menyambut Hari Wanita Antarabangsa, kisah mereka menentang beban

ditanggung oleh ramai wanita dalam krisis kemanusiaan yang semakin meruncing di wilayah itu.

Hari Al-Ahmad bermula sebelum matahari terbit. Di dalam khemahnya, dia mengumpulkan kayu api dan menyediakan doh untuk membakar kek untuk dijual. Setelah beberapa jam berjalan mengharungi kawasan kejiranan yang punah, dia pulang ke rumah untuk mengambil air, memasak dan menjaga anak-anaknya.

"Kami bangun untuk mengisi bekas air, mengumpul kayu api dan memasak," katanya. "Kemudian saya keluar menjual kek dan pulang ke rumah untuk menyediakan makanan untuk anak-anak saya".

Kehidupan, pernah suatu ketika dahulu berbeza, katanya.

"Sebelum perang, saya hanya perlu berada di rumah menjaga keluarga dan menyiapkan makanan untuk suami dan anak-anak," katanya. "Sekarang saya perlu melakukan semuanya sendiri".

Di kem berdekatan, Om Mohammed al-Agha, 42, juga telah mengambil peranan yang tidak pernah dia jangkakan. Dia menyusun kantung gula-gula dan kerepek kentang di atas meja kayu kecil, dengan harapan dapat menarik minat kanak-kanak yang melalui kem itu.

"Selepas suami saya meninggal dunia 15 bulan lalu, saya terpaksa memastikan keluarga saya terus hidup," katanya. "Saya tidak pernah bekerja sebelum ini, tetapi sekarang

saya tiada pilihan".

Suaminya, seorang buruh harian, merupakan pencari nafkah tunggal keluarga. Selepas kematiannya, rumah mereka musnah dan keluarga itu berpindah ke khemah.

"Saya memutuskan untuk menjual gula-gula dan kerepek untuk meneruskan kehidupan," katanya.

Keuntungan kecil membolehkan dia membeli roti dan keperluan lain. Namun beban emosi tetap menghimpit.

"Kadang-kadang anak-anak bertanya bila ayah mereka akan pulang," katanya perlahan. "Saya tidak tahu macam mana nak jawab".

Kesulitan yang dialami al-Ahmad, al-Agha dan ribuan wanita lain mencerminkan skala krisis kemanusiaan di Gaza.

Pegawai perubatan Palestin memaklumkan perang yang bermula pada 7 Oktober 2023, telah membunuh lebih 72,000 orang, mencederakan puluhan ribu dan menyebabkan kemusnahan rumah, sekolah, hospital dan perniagaan.

Menurut Kementerian Hal Ehwal Wanita Palestin, lebih 12,500 wanita, termasuk lebih 9,000 ibu, terbunuh sejak serangan Israel bermula.

Lebih 21,000 wanita menjadi balu manakala kematian puluhan ribu lelaki menyebabkan banyak keluarga tanpa pencari nafkah utama.

Kementerian Buruh Palestin menganggarkan kira-kira 57,000

wanita muncul sebagai penanggung utama keluarga mereka sejak perang bermula.

Bagi sesetengah wanita, kerugian di luar dimensi kesusahan ekonomi.

Di Gaza City, Abeer al-Assi, 28, kehilangan kedua-dua anaknya dalam serangan udara. Beliau kini menghabiskan berjam-jam menunggu di luar organisasi amal untuk mendapatkan bantuan makanan.

"Anak-anak saya terkorban semasa serangan udara Israel," katanya. "Saya tidak dapat menyelamatkan mereka, dan saya masih ingat jeritan mereka".

Rumahnya, katanya, kini terasa kosong. "Setiap hari saya bangun dan terkenang apa yang berlaku," katanya.

"Ketawa yang pernah memenuhi rumah kami kini lenyap".

Al-Assi berkata Hari Wanita Antarabangsa harus mengingatkan dunia tentang penderitaan wanita yang hidup menempuh konflik.

"Setiap wanita di sini menyimpan kisah yang pedih," katanya. "Ada yang kematian suami, yang lain anak lelaki, dan ada yang kehilangan rumah serta harta benda".

Di Deir al-Balah di tengah

Gaza, Suheir Harara, 35, ditimpa kehilangan berbeza.

Serangan udara keluarganya, mengorbankan lebih 35 saudara-mara dalam satu malam.

"Malam itu mengubah segala-galanya," katanya sambil duduk berhampiran kubur ahli keluarga. "Saya kehilangan ibu bapa dan adik-beradik saya, dan saya masih dengar pekikan mereka sebelum saya tidur".

Di sebalik kesedihan, kelangsungan hidup sehari-hari terus menjadi cabaran untuk wanita di seluruh Gaza. Air bersih terhad, elektrik tidak menentu dan perkhidmatan perubatan kewalahan.

Menurut kumpulan bantuan tempatan, banyak keluarga biasanya menunggu berjam-jam lamanya untuk mendapatkan air dan makanan dengan wanita kerap membawa bekas berat dalam jarak yang jauh.

Harara berkata penderitaan wanita Gaza sangat kurang mendapat perhatian antarabangsa.

"Kami memerlukan lebih banyak sokongan," katanya. "Wanita di sini telah kehilangan keluarga mereka, rumah mereka, dan kehidupan mereka dahulu". - ©BERNAMA

Bangunan runtuh selepas kebakaran di Glasgow, perkhidmatan tren terjejas

LONDON, 9 Mac. - Sebuah bangunan runtuh sebahagiannya berikutan kebakaran besar berhampiran Stesen Sentral Glasgow di Scotland pada Ahad, memaksa penutupan stesen kereta api paling sibuk di negara itu dan menyebabkan gangguan meluas terhadap perkhidmatan tren, lapor Xinhua yang memetik media British.

Kebakaran meletus di sebuah

kedai vape di Union Street di pusat bandar Glasgow dan merebak ke bangunan berhampiran yang kemudian runtuh sebahagiannya ketika anggota bomba memadamkan api, menurut BBC.

Network Rail memaklumkan Stesen Sentral Glasgow ditutup "sehingga diberitahu kelak" dan tidak akan dibuka semula pada pagi Isnin sambil perkhidmatan kecemasan terus menangani

insiden tersebut.

Tiada kemalangan jiwa dilaporkan, menurut laporan itu. Perkhidmatan kecemasan menggesa orang ramai supaya menjauhi kawasan itu dengan kepungan didirikan di jalan-jalan sekitar dan orang ramai berkumpul untuk melihat kebakaran.

Siasatan punca kebakaran masih dijalankan. - ©BERNAMA

Putin larang ekstradisi warga asing yang bertugas dengan tentera Persekutuan Rusia

MOSCOW, 9 Mac. - Presiden Persekutuan Rusia Vladimir Putin menandatangani undang-undang yang melarang ekstradisi warga asing yang berkhidmat secara kontrak dalam angkatan tentera Persekutuan Rusia serta mereka yang menyertai operasi ketenteraan bersama angkatan tentera Persekutuan Rusia ke negara lain untuk pendakwaan jenayah, menurut dokumen yang

diterbitkan di portal rasmi akta undang-undang pada Ahad, lapor Sputnik/RIA Novosti.

Rang undang-undang itu, yang meminda Perkara 464 Kanun Jenayah Rusia, telah dikemukakan oleh kerajaan kepada dewan rendah parlimen Persekutuan Rusia.

Undang-undang itu memperluaskan alasan untuk menolak ekstradisi bagi

pendakwaan jenayah atau penguatkuasaan hukuman bagi merangkumi kes-kes di mana permohonan tersebut melibatkan

warga asing atau orang tanpa kerakyatan yang sedang berkhidmat, atau pernah berkhidmat sebelum ini, secara kontrak dalam angkatan tentera Persekutuan Rusia atau unit ketenteraan Persekutuan Rusia yang lain. - ©BERNAMA

Dua warga Australia dipenjarakan 16 tahun kes tembakan di Bali

JAKARTA, 10 Mac. - Mahkamah Daerah Denpasar di Bali menjatuhkan hukuman penjara 16 tahun masing-masing ke atas dua warga Australia kerana peranan mereka dalam satu kejadian tembakan maut yang membunuh seorang lagi warga Australia di pulau peranginan Republik Indonesia itu, tahun lepas.

Hakim Wayan Suarta menjatuhkan hukuman itu terhadap Mevlut Coskun, 22, dan Paea-I-Middlemore Tupou, 26, selepas mendapati mereka berdasarkan undang-undang dan secara yang meyakinkan bersalah melakukan pembunuhan terancang di bawah Kanun Jenayah Republik Indonesia.

Menurut laporan Agensi Berita ANTARA, hakim ketika membacakan keputusan pada Isnin, berkata hukuman itu dua tahun lebih pendek berbanding hukuman penjara 18 tahun yang diminta oleh pendakwa raya daripada Pejabat Peguam Daerah Badung.

Suarta berkata mahkamah mendapati kedua-dua defendan telah merancang secara sistematik tembakan itu bersama Darcy Francesco Jensen, yang kesnya dikendalikan berasingan.

Hakim berkata mahkamah turut mendapati Coskun dan Tupou melakukan serangan itu, yang membunuh Zivan Radmanovic dan mencederakan Sanar Ghanim.

Beliau berkata mahkamah dimaklumkan semasa perbicaraan bahawa seorang individu tidak dikenali membiayai tiket pesawat, sewa vila dan senjata yang digunakan dalam serangan itu, serta mengarahkan tembakan tersebut namun identitinya masih belum diketahui.

Hakim berkata kedua-dua defendan diberikan masa tujuh hari untuk memutuskan sama ada menerima keputusan itu atau memfailkan rayuan.

Dalam keputusan berasingan, mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 12 tahun ke atas Jensen selepas didapati bersalah membantu kedua-dua defendan dengan mengatur penginapan, pengambilan dan pengangkutan.

Kes itu berkaitan insiden tembakan di sebuah vila di Kampung Munggu, Daerah Badung, Bali, pada 14 Jun 2025 apabila Radmanovic mati ditembak di dalam bilik air manakala Ghanim cedera selepas ditembak di bilik tidurnya.

Kejadian tembakan itu disaksikan oleh isteri Radmanovic dan isteri Ghanim, Daniela. - ©BERNAMA



BAC 2026 : WEI CHONG IDAM PENAMAT PODIUM

KUALA LUMPUR, 10 Mac. - Pemain beregu lelaki negara, Man Wei Chong memburu peluang untuk sekurang-kurangnya menempatkan diri di podium pada Kejohanan Badminton Asia (BAC) 2026 yang akan berlangsung di Ningbo, Republik Rakyat China pada 7 hingga 12 April ini.

Pemain berusia 26 tahun itu mengakui beliau dan gandingannya Tee Kai Wun agak terkilan kerana belum pernah menjejaskan kaki ke separuh akhir sejak kali pertama beraksi di kejohanan itu pada edisi 2022 di Muntinlupa, Republik Filipina.

"Sebelum ini sudah beberapa kali kami tewas di pusingan kedua, jadi saya harap dapat pingat di sana (BAC 2026)," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Pencapaian terbaik pasangan keenam dunia itu pada kempen BAC ialah pada edisi 2022, menyaksikan pasangan negara mara ke suku akhir namun terpaksa akur kepada beregu Republik Indonesia, Fajar Alfian-Muhammad Rian Ardianto, 16 - 21, 16 - 21.

Perjuangan mereka pada tiga edisi BAC berikutnya terhenti di pusingan kedua.

Wei Chong berharap tuah akan memihak kepada mereka pada BAC 2026 selepas empat kali tersingkir di suku akhir tahun ini, termasuk di All England baru-baru ini, apabila juara Masters Malaysia 2025 itu tewas kepada rakan senegara, Aaron Chia-Soh Wooi Yik 16 - 21, 22 - 20, 14 - 21, Jumaat lepas.

- ©BERNAMA

Sukan Komanwel : Mohamad Yusof ketua cabaran skuad para berbasikal negara

KUALA LUMPUR, 10 Mac. - Juara dunia 2025, Mohamad Yusof Hafizi Shaharuddin bakal mengetuai cabaran skuad para berbasikal negara pada Sukan Komanwel Glasgow 2026 dengan Malaysia tetap bersedia memberi saingan walaupun mengakui peluang memburu pingat bukan tugas mudah.

Timbalan Biro Para Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM), Ramlay Ibrahim berkata selain pelumba berusia 28 tahun itu, pasukan negara turut diwakili seorang lagi pelumba serta dua gandingan pelumba tandem lelaki dan wanita menjadikan keseluruhan tiga acara disertai.

"Kita dapat slot untuk pergi Sukan Komawel namun agak sukar untuk dapat pingat sebab saingan dijangka sengit.

"Taraf kita lebih kurang, cuma mereka (negara Komanwel lain) mungkin sedikit

lebih baik daripada kita," katanya selepas Mesyuarat Jawatankuasa Kerja (JKK) di Majlis Sukan Negara (MSN), di sini, hari ini.

Beliau berkata pemilihan atlet dibuat berdasarkan prestasi semasa termasuk pencapaian pada beberapa kejohanan antarabangsa seperti Kejuaraan Dunia edisi lepas.

Ketika ini skuad para berbasikal negara sedang menjalani latihan di Velodrom Nasional Malaysia, Nilai.

Antara acara yang dipertandingkan di Sukan Komanwel kali ini ialah pecut tandem, ujian masa satu kilometer (km) tandem, ujian masa 1km C1-3, serta kejar-mengejar individu C1-3 lelaki dan wanita.

Acara berbasikal para akan berlangsung dari 30 Julai hingga 2 Ogos di Velodrom Sir Chris Hoy, Glasgow. - ©BERNAMA

Zhao Zhiqing intai pingat emas selepas naib juara di Milan-Cortina

TESERO, Itali, 10 Mac. - Zhao Zhiqing memenangi pingat perak dalam acara *women's individual standing* para biathlon di Sukan Paralimpik Musim Sejuk Milan-Cortina pada hari Ahad dan disambut dengan sorakan hangat daripada penonton ketika beliau menghampiri garisan penamat.

"Saya juga mendapat tempat kedua dalam acara ini di Beijing 2022. Saya harap saya dapat mencapai kedudukan tertinggi podium pada masa akan datang," kata atlet berusia 28 tahun itu kepada Xinhua.

Dilahirkan pada 1997, Zhao kehilangan kedua-dua tangannya dalam satu kemalangan. Namun, katanya kejadian itu tidak menghentikannya.

"Saya mempunyai seorang saudara kembar. Apabila saya melihatnya belajar menunggang basikal, saya cuba belajar bagaimana untuk mengawal tanpa tangan saya," kata Zhao.

"Kami ialah pasangan kembar. Saya mempunyai keyakinan yang kuat bahawa saya boleh

melakukan apa sahaja seperti dia," tambah Zhao.

Pada 2017, Zhao mula berlatih dalam para biathlon dan ski merentas desa para di wilayah Hebei, berhampiran Beijing.

Pada mulanya, dia berkata dia sering mengalami lepuh di kakinya tetapi cuba untuk tidak terlepas sesi latihan.

Dia mengimbas kembali ketika jatuh semasa latihan sebagai pemain ski junior dan menolak bantuan daripada jurulatihnya ketika dia bangun dan terus menuju ke garisan penamat.

"Saya seorang yang tidak pernah berputus asa, walaupun saya kurang upaya," kata Zhao.

Para biathlon memberikan cabaran khusus kepada Zhao, kerana dia tidak boleh menggunakan tongkat ski dan mesti menyesuaikan diri untuk menembak tanpa jari.

"Saya tidak boleh memegang sebarang tongkat di pusat ski, jadi saya perlu menguatkan kaki saya, agar ia memainkan peranan sebagai tongkat ski," kata Zhao.

"Dalam pasukan para kebangsaan biathlon Republik Rakyat China, rakan sepasukan saya melatih tangan mereka pada waktu pagi dan menguatkan kaki mereka pada waktu petang, tetapi saya mengambil masa yang lebih lama untuk melatih kekuatan kaki saya," kata Zhao.

Dalam acara *women's sprint standing* para biathlon pada 7 Mac, Zhao terlepas dua tembakan dan menamatkan perlumbaan di tempat kelapan. Dia berkata dia fokus untuk perlumbaan pada Ahad, dia memberi tumpuan kepada latihan menembak semasa sesi pemanasan.

"Dalam biathlon, jika anda dapat mengelakkan sebarang penalti menembak, anda akan mendapat keputusan yang baik," kata Zhao.

Dalam acara *women's individual standing*, Zhao dikenakan penalti menembak dan kehilangan kira-kira 20 saat apabila senapangnya tersekat.

Zhao berkata pemikirannya telah berubah sejak Beijing 2022, tetapi keazamannya tetap sama.



ZHAO Zhiqing semasa *women's sprint standing* para biathlon di Sukan Paralimpik Musim Sejuk 2026 di Tesero, Itali, 7 Mac 2026.

"Jika saya dapat pulih daripada kecederaan di pinggang dan buku lali saya, mungkin saya akan meneruskan kerjaya ski saya," kata Zhao.

"Jika anda ingin mencapai sesuatu, ia bergantung sepenuhnya kepada usaha anda

sendiri; jika bukan sekarang, bila lagi?" tertulis dalam moto pasukan para biathlon Republik Rakyat China.

Zhao berkata dia hafal moto itu dan berharap dapat memenuhi impiannya pada masa hadapan. - ©XINHUA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

REBUT KEISTIMEWAAN MALAM LAILATUL QADAR DI Hujung RAMADAN